JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

# LAPORAN TAHUNAN

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

# 2020







Cetakan Pertama, 2021
Hakcipta Terpelihara © Jabatan Perangkaan Malaysia

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian rencana, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa-apa bentuk dan dengan apa juga cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Jabatan Perangkaan Malaysia.

Penerbit
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
Blok C6, Kompleks C, Presint 1,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
65214 Putrajaya Malaysia.

Tel : +603 8885 7000
Faks : +603 8888 9248
Portal Rasmi : www.dosm.gov.my
Portal Banci : www.mycensus.gov.my
E-mel : info@dosm.gov.my

# ISI KANDUNGAN

**06-08**

**Perutusan**

**10-11**

**PROFIL KORPORAT DOSM**

Tadbir Urus 12
Maklumat Korporat 18
Kewangan DOSM 22
Organisasi DOSM 25

**30-31**

**AKTIVITI UTAMA DOSM**

Data 32
Rangka Statistik 33
Konsultansi/Rundingan Teknikal 34

**36-37**

**PENCAPAIAN SIGNIFIKAN 2020**

Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 38
Proses pelaksanaan Banci Penduduk & Perumahan Malaysia 2020 39
Hari Statistik Negara (HSN) 2020 45
*7th MyStats Conference 2020* 47
Keluaran Statistik Baharu 48
Program Kerja AD HOC: COVID-19 51
Webinar *Sustainable Development Goals* (SDG) 52
Seminar *My Local Stats 2020* 53
Pertandingan Datathon 2020 54
Diari DOSM 2020 55

**58-59**

**MODAL INSAN DAN PEMBANGUNAN KAPASITI**

Perjawatan 2020 60
Institut Latihan Statistik Malaysia (ILSM) 61
Kursus dan Program Latihan 62
Pengiktirafan & Pencapaian Anggota DOSM 64
Sesi Lawatan Rasmi Ketua Perangkawan Malaysia 64



## 66-67

### MODENISASI DAN INOVASI

*Sustainable Development Goals (SDG) Monitoring Dashboard* 68
Projek *Statistics Big Data Analytics* (StatsBDA) 69
Portal Banci dan *Stats Geoportal* 70
Aplikasi Mudah Alih (*Mobile Apps*) 71
My Local Stats Versi II 72
MyIPCS 73
*StatsDigital* 73
STATSDW 2.0 74
METS Online 75
*CPI Calculator* 76
Projek Data Raya Sektor Awam 2.0: *Agricultural Analytical System* 77
Projek *Statistical Big Data Analytics* (STATSBDA) 77
Projek Kerjasama Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dan Agensi Angkasa Malaysia (MYSA): Sistem Maklumat Geospatial 78
Pembangunan Sistem Analitik Maklumat Pasaran Buruh (LMIAP) 79
*Big Data Analytics (BDA) Use Case* 80

## 82-83

### KOMUNIKASI STATISTIK

Medium Penyebaran Statistik 84
DOSM@Media Cetak, Media Elektronik dan Media 85

## 94-95

### KE ARAH ORGANISASI STATISTIK TERBILANG DI DUNIA

Jalinan Kerjasama Antarabangsa 96
Pengiktirafan di Peringkat Antarabangsa 97
Penglibatan DOSM di peringkat Antarabangsa mengikut Program 98
Sumbangan DOSM pada di Peringkat Antarabangsa 100
Inisiatif DOSM dalam Mempromosikan MyCensus 2020 kepada Kedutaan dan Suruhanjaya Tinggi Negara 102

## 106-107

### *WORKLIFE BALANCE*

FitDOSM 108
Sesi Kecergasan Eksekutif DOSM 109
Majlis Sambutan Hari Raya 2020 111

## 112-113

### CABARAN DAN ASPIRASI 2021

Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 114
Kajian Separuh Penggal RMKe-12 115
*Sustainable Development Goals* (SDG) 116
Revolusi Perindustrian Keempat 117

JABATAN PERANGKAAN
M A L A Y S I A

LAPORAN TAHUNAN 2020




# PERUTUSAN

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**BISMILLAHIRAHMANIRAHIM**
**ALHAMDULILLAHHIR RABBIL A'ALAMIN**
**WASSALATUWASSALAM MUALA**
**ASHRAFIL AMBIA IWALMURSALIN**
**WA'ALA ALIHI WASAHBIHI AJMAIN**

Alhamdulillah. Segala puji kepada Ilahi kerana dengan izinNya, Laporan Tahunan 2020 Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dapat diterbitkan. Penerbitan ini adalah kompilasi informasi dan pencapaian penting DOSM bagi tahun 2020.

DOSM merupakan agensi utama kerajaan yang diamanah dan dipertanggungjawab untuk memungut, mentafsir serta menyebar perangkaan yang bertepatan masa dan terkini untuk memantau prestasi ekonomi dan juga pembangunan sosial negara.

## PENCAPAIAN 2020

Sepanjang tahun 2020, DOSM telah menerbitkan 519 penerbitan iaitu 198 penerbitan secara bulanan, 57 penerbitan secara suku tahunan dan 264 penerbitan secara tahunan serta ad hoc. DOSM turut mengeluarkan produk baharu antaranya ialah 149 penerbitan *My Local Stats* – mengikut Daerah, 15 penerbitan Banci Perdagangan Borong & Runcit 2019 mengikut negeri, 15 penerbitan Laporan Survei Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2019 mengikut Negeri/ Daerah Pentadbiran dan 15 penerbitan Laporan Survei Perbelanjaan Isi Rumah 2019 mengikut Negeri/ Daerah Pentadbiran.

Di samping itu, bagi tujuan literasi statistik, DOSM juga telah menerbitkan sebanyak 222 *Stats Alert* iaitu statistik dalam bentuk infografik bagi menyampaikan statistik kepada umum. Permohonan maklumat yang diterima secara dalam talian juga semakin meningkat. Pada tahun 2020, bilangan pelawat bagi portal DOSM ialah sebanyak 4.8 juta. Perkhidmatan eStatistik telah merekodkan bilangan pengguna berdaftar pada tahun 2020 sebanyak 110,445 menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 196,012 sejak tahun 2010. DOSM turut menyediakan platform eStatistik bagi membolehkan pengguna memuat turun percuma produk DOSM dari eStatistik. Sehingga Disember 2020 jumlah muat turun eStatistik adalah sebanyak 2.4 juta transaksi. Selain itu, DOSM juga menyediakan platform penyebaran statistik seperti *Mobile Apps* Jabatan, *My Local Stats 2019* dan *Sustainable Development Goals* (SDG) *Monitoring Dashboard*.

Di saat negara sedang dilanda pandemik COVID-19, DOSM sentiasa memastikan sistem penyampaian statistik selaku penjana statistik negara tidak terjejas. Semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), DOSM telah melaksanakan 3 Survei Khas Kesan COVID-19 kepada ekonomi, individu dan juga pertubuhan bagi mengukur kesan COVID-19 kepada ekonomi, pekerjaan dan pola perbelanjaan di Malaysia. Disamping itu, DOSM turut menghasilkan produk semasa PKP selain daripada rutin iaitu; 28 Buletin Khas yang merangkumi Prestasi Sektoral dan Negeri, 70 siri *Newsletter* berkaitan Statistik Makro Utama Terpilih, 66 siri *DOSM Intelligence Statistics and Intelligence Report by State Zone*, 59 volum ringkasan liputan media harian tempatan dan Antarabangsa dan 97 *Newsletters*.

Pelaksanaan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia (Banci Malaysia) 2020 telah dilancarkan pada 7 Julai 2020 di Putrajaya International Convention Centre, Putrajaya oleh mantan YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin, Perdana Menteri Malaysia yang ke-8. Melalui pelancaran tersebut, dengan rasminya Banci Malaysia telah bermula menggunakan kaedah Banci Dalam Talian (*e-Census*). Bersesuaian dengan tema yang digunakan iaitu "Data Anda Masa Depan Kita", segala maklumat dan data yang diperoleh sangat berguna kepada pembuat dasar dalam menentukan segala keputusan bertepatan dan berorientasikan data semasa dengan mengambil kira faktor sosio-ekonomi, sosial, demografi dan kependudukan.

Hari Statistik Negara (HSN) telah diisytiharkan oleh Kerajaan dan disambut secara tahunan pada setiap 20 Oktober bermula tahun 2017. Sambutan HSN 2020 sangat bermakna kerana disambut bersekali dengan Hari Statistik Sedunia (*World Statistics Day*) pada 20 Oktober 2020. Bagi menyemarakkan lagi sambutan tersebut, *51st United Nations Statistics Commission* (UNSC) telah memilih slogan "*Connecting The World With Data We Can Trust*" sebagai tema sambutan pada kali ini. Antara aktiviti yang dilaksanakan adalah *Stats Talk*, wawancara media massa, sesi *engagement* bersama Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan, Forum Perdana Hal Ehwal Islam, program Datathon (secara maya), pertandingan infografik dan videografik bersama Sekolah/ IPT, kuiz HSN dan lain-lain.

Bagi meningkatkan penyelarasan dan kerjasama di kalangan badan statistik antarabangsa dan menggalakkan penyediaan perkhidmatan statistik yang teratur, DOSM secara aktif turut menyertai mesyuarat dan program yang dianjurkan di peringkat antarabangsa terutamanya mesyuarat tertinggi statistik. Penglibatan DOSM di peringkat Antarabangsa pada tahun 2020 antaranya adalah anjuran *Economic and Social Commission for Asia and the Pacific* (ESCAP), *Asian Development Bank (ADB)*, *United Nations Development Programme (UNDP)* dan *United Nations Statistical Institute for Asia and the Pacific (UNSIAP)* sebagai moderator bagi *parallel sessions* dan webinar serta sebagai panelis. Selain itu, DOSM juga turut terlibat sebagai *Co-Chair Working Group (WG)* bagi pembangunan visi strategik baru oleh *Statistical, Economic and Social Research and Training Centre for Islamic Countries (SESRIC)*. Jumlah program antarabangsa yang diadakan sepanjang tahun 2020 adalah sebanyak 115 program dan disertai oleh 1,297 peserta secara keseluruhan.

Kerajaan juga telah bersetuju untuk DOSM sebagai *focal point* menubuhkan Pusat Analitik Data Raya Negara dan Pengukuhan Sistem Statistik Negara (PSSN). PSSN adalah bertujuan untuk mempertingkatkan sistem statistik Malaysia yang sedia ada bagi mengharungi cabaran yang dinamik pada masa sekarang dan

akan datang. DOSM juga akan berperanan dan bertanggungjawab dalam membantu, menyelaras dan mengawal penghasilan statistik Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan.

## JALINAN PINTAR DAN KERJASAMA STRATEGIK

Sebanyak dua (2) Memorandum Persefahaman (MoU) telah ditandatangani oleh DOSM yang melibatkan kerjasama strategik antarabangsa dan agensi swasta. DOSM telah memeterai MoU dengan *The Statistical, Economic and Social Research and Training Centre for Islamic Countries (SESRIC)* dalam pembangunan kapasiti modal insan statistik dan pengukuhan sistem statistik negara anggota *Organisation of Islamic Cooperation (OIC)* pada 5 Mac 2020 di New York, Amerika Syarikat. DOSM turut menandatangani MoU dengan SME Bank pada 26 Jun 2020. Sehingga Disember 2020, terdapat 34 MoU yang masih berkuatkuasa.

## PROGRAM MERAKYATKAN STATISTIK

Pelbagai program Merakyatkan Statistik yang bertujuan meningkatkan kesedaran tentang kepentingan statistik di samping mewujudkan hubungan baik bersama komuniti dan penduduk. Sesi ini juga menjadi platform untuk DOSM berinteraksi dengan responden dalam menambah baik kadar respon pembekalan maklumat. Bersempena dengan pelaksanaan Banci Malaysia 2020, pelbagai sesi *engagement* yang melibatkan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri telah diadakan. Bagi memudahkan dan memastikan Banci Malaysia 2020 dilaksanakan secara dalam talian, DOSM telah menganjurkan Klinik e-Census di Kementerian, Jabatan, Agensi, Badan Berkanun, Swasta, pasaraya, pusat komuniti, dewan orang ramai dan pusat rekreasi di seluruh Malaysia.

Dalam usaha berterusan untuk membudayakan pembuatan keputusan berasaskan bukti, DOSM turut menganjurkan beberapa seminar dan webinar yang melibatkan pihak berkepentingan seperti Pegawai Daerah, Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) seluruh Malaysia, ahli akademik dan pelajar. Antara seminar yang telah dilaksanakan oleh DOSM adalah Seminar Banci Malaysia 2020: Statistik Kependudukan Memacu Kelestarian Malaysia, Webinar: *Counting Everyone for a Better Tomorrow, Seminar My Local Stats 2020* serta sesi Webinar Pembangunan Mampan dan 2030 Agenda.

## PENUTUP

Saya amat bersyukur atas kepercayaan Kerajaan terhadap kepentingan DOSM dalam perancangan dasar negara, skop perjawatan Perangkawan kini telah diperbesarkan melalui penambahan bidang sains dan teknologi komputer. Diharapkan dengan transformasi ini maka akan dapat meningkatkan kompetensi serta profesionalisme anggota DOSM. Justeru, DOSM perlu membangunkan generasi baru dengan kemahiran *statistical modelling*, *machine learning*, *programming* dan *database*. Generasi baru ini juga harus diterap dengan *domain knowledge*, *soft skills*, komunikasi dan *visualisation*. Marcapada yang dilingkari kemajuan sains dan teknologi ini, pengurusan *Big Data* adalah sangat penting bagi kerajaan kerana ia membolehkan sesuatu keputusan dibuat secara lebih cepat atau *real-time*. Penemuan pelbagai teknologi baharu seperti automasi, *Internet of Things (IoT)*, analisis dan *big data*, simulasi, sistem integrasi, penggunaan *robotic* dan *cloud* merupakan lanskap dunia moden di dalam Industri 4.0.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.

**Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin**
Ketua Perangkawan Malaysia




***Reminiscing ISI WSC 2019***
***1 Year Celebration***
**18 Ogos 2020**

## Majlis Penyampaian Watikah Kenaikan Pangkat
## 5 November 2020





# PROFIL KORPORAT DOSM


Tadbir Urus 12

Maklumat Korporat 18

Kewangan 22

Carta Organisasi 25

# Tadbir Urus

## Latar Belakang

Jabatan Perangkaan Malaysia ditubuhkan pada tahun 1949 di bawah peruntukan Ordinan Statistik 1949 dan dikenali sebagai Biro Statistik. Perangkaan yang dihasilkan pada masa itu terhad hanya kepada data perdagangan luar negeri dan pertanian ladang.

Pada tahun 1965, Biro Statistik telah bertukar nama kepada Jabatan Perangkaan Malaysia dan beroperasi di bawah peruntukan Akta Perangkaan 1965. Fungsi dan peranan Jabatan seterusnya telah berkembang di mana data/maklumat yang dikumpul semakin meluas merangkumi bidang ekonomi dan juga sosial.

Jabatan Perangkaan Malaysia merupakan agensi utama kerajaan di bawah Jabatan Perdana Menteri yang diamanah dan dipertanggungjawab untuk memungut, mentafsir serta menyebar perangkaan yang bertepatan masa dan terkini untuk memantau prestasi ekonomi dan juga pembangunan sosial negara.

Jabatan Perangkaan Malaysia yang beribu pejabat di Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Putrajaya juga mempunyai pejabat di setiap negeri. Bagi memantapkan lagi kerja-kerja pengumpulan data oleh Jabatan Perangkaan Negeri, Pejabat-pejabat Operasi di beberapa buah negeri telah diwujudkan.



# Punca Kuasa DOSM

> DOSM ditubuhkan pada tahun 1949 di bawah peruntukan *Statistics Ordinance 1949* dan dikenali sebagai Biro Statistik.

*Statistics Ordinance 1949* telah dimansuhkan dan digantikan dengan Akta Perangkaan 1965. Di bawah akta ini, Biro Statistik dikenali sebagai Jabatan Perangkaan dan diketuai oleh Ketua Perangkawan. Akta Perangkaan 1965 telah disemak semula pada tahun 1989. Fungsi Jabatan dinyatakan dengan jelas di bawah Seksyen 2(2):

Tadbir urus statistik secara amnya berteraskan *United Nations Fundamental Principles of Official Statistics* yang menggariskan prinsip asas untuk diamalkan oleh organisasi statistik negara dalam mengeluarkan statistik rasmi.

> Fungsi-fungsi Jabatan ini adalah untuk mengumpulkan dan mentafsirkan perangkaan perangkaan bagi maksud memperlengkapi maklumat yang dikehendaki dalam membentuk atau menjalankan dasar Kerajaan dalam apa-apa bidang atau selainnya yang dikehendaki bagi maksud maksud Kerajaan atau bagi memenuhi keperluankeperluan perdagangan, komers, perindustrian atau pertanian (termasuk perhutanan, perikanan dan perburuan).




Statistik rasmi merupakan teras kepada proses pembentukan dasar sosio ekonomi negara. DOSM menghasilkan statistik yang berintegriti dan *reliable* dalam bidang ekonomi, sosial, demografi dan alam sekitar.

Keberhasilan daripada produk dan perkhidmatan perangkaan ini adalah *statistical evidence* yang digunakan terutamanaya oleh kerajaan sebagai input dalam pembentukan, pelaksanaan, penilaian dan semakan semula dasar awam negara.

# Pelan Transformasi Jabatan

> "Selaras dengan usaha untuk merealisasikan Visi DOSM sebagai sebuah organisasi statistik yang terbilang di dunia menjelang 2020, DOSM telah merangka Pelan Strategik Jabatan (PSJ) 2010- 2014 disusuli Pelan Transformasi Jabatan (PTJ) 2015-2020 yang komprehensif."

Kedua-dua pelan ini melakarkan arah tuju Jabatan dalam memenuhi keperluan agenda transformasi negara serta memenuhi ekspektasi pengguna yang semakin dinamik dan kompleks. PSJ 2010-2014 telah mencapai hampir keseluruhan sasaran yang dirancang dan lebih separuh berjaya dicapai lebih awal daripada tempoh yang ditetapkan.

PTJ 2015-2020 memberi fokus kepada empat teras strategik, merangkumi penghasilan produk dan perkhidmatan statistik yang berintegriti dan *reliable*, pengurusan sumber dan infrastruktur yang efisien, mendaya upaya bakat dan memperkasa peranan penjana statistik.

Teras strategik ini diperhalusi dengan **13 strategi**, **26 program** dan **81 aktiviti** bagi mengukuhkan DOSM sebagai organisasi yang dinamik. Pelan transformasi ini menjadi wadah pencetus kecemerlangan dan memacu DOSM untuk bergerak seiring dengan pencapaian negara sebagai sebuah negara maju berpendapatan tinggi menjelang 2020. Seterusnya, DOSM akan menjadi organisasi statistik yang terbilang di dunia dan menjadi rujukan utama komuniti statistik global.

Peranan di peringkat global turut diberi keutamaan agar DOSM setaraf dengan agensi statistik maju negara lain dan menjadi aspirasi kepada agensi statistik serantau.

JABATAN PERANGKAAN
MALAYSIA

# PELAN STRATEGIK JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA 2021-2025

## VISI

Peneraju Perkhidmatan Statistik Demi Kesejahteraan Sejagat

## MISI

Memacu Statistik Berintegriti dan Perkhidmatan Profesional untuk Pembudayaan Keputusan Berasaskan Bukti

## Teras Strategik

01 Keberhasilan Produk dan Perkhidmatan Statistik yang Holistik Serta Mampan

02 Pemerkasaan Inovasi dalam Pengurusan Sumber dan Infrastruktur

03 Pembudayaan Kemahiran, Kecekapan dan Profesionalisme

04 Permartabatan Sistem Statistik Negara

Mesra Pelanggan

Integriti dan Akauntabiliti

Kompeten

Berhemah dan Berwibawa

Semangat Kebersamaan

Profesionalisme

## Hala Tuju Pasca

Pelan Transformasi Jabatan 2021-2025

**Wawasan Kemakmuran Bersama 2030** (WKB 2030) → **Matlamat Pembangunan Mampan 2030** (SDGs) → ***Cape Town Global Action Plan***

## *Generic Statistical Business Progress Model*

Untuk memastikan aktiviti statistik rasmi menggunakan penanda aras global, DOSM telah mengadaptasi kerangka kerja *Generic Statistical Business Process Model* (GSBPM) yang diperkenalkan oleh *United Nations Economic Commission for Europe* (UNECE) mulai 2011.

Jabatan Perangkaan MALAYSIA

BERSEKUTU BERTAMBAH MUTU

# Generic Statistical **Business Progress Model**

## Overarching Processes

| Specify needs | Design | Build | Collect |
|---|---|---|---|
| 1.1 Identify needs | 2.1 Design outputs | 3.1 Reuse or build collection instruments | 4.1 Create frame and select sample |
| 1.2 Consult an confirm needs | 2.2 Design variable descriptions | 3.2 Reuse or build process-ing and analysis components | 4.2 set up collection |
| 1.3 Establish output objectives | 2.3 Design collection | 3.3 Reuse or build dissemination componensts | 4.3 Run collection |
| 1.4 Identify concepts | 2.4 Design frame and sample | 3.4 Configure workflows | 4.4 Finalise collection |
| 1.5 Check data availability | 2.5 Design processing and analysis | 3.5 Test production system | |
| 1.6 Prepare and submit business case | 2.6 Design production system and workflows | 3.6 Test statistical business process | |
| | | 3.7 Finalise production systems | |

GSBPM ini mengandungi lapan proses utama dengan 45 subproses yang merangkumi peringkat perancangan, prosesan, analisis dan penyebaran statistik rasmi.

Versi terkini yang digunapakai adalah **GSBPM versi 5.1, Januari 2019**.

- Quality Management
- Metadata Management
- Data Management
- Process Data Management
- Knowledge Management
- Provider Management

| Process | Analyse | Disseminate | Evaluate |
|---|---|---|---|
| 5.1<br>Integrate data | 6.1<br>Prepare draft ouputs | 7.1<br>Update output systems | 8.1<br>Gather evaluation inputs |
| 5.2<br>Classify and code | 6.2<br>Validate output | 7.2<br>Produce dissemination products | 8.2<br>Conduct evaluation |
| 5.3<br>Review and validate | 6.3<br>Interpret and explain outputs | 7.3<br>Manage release of dissemination products | 8.3<br>Agree an action plan |
| 5.4<br>Edit and impute | 6.4<br>Apply disclosure control | 7.4<br>Promote dissemination products | |
| 5.5<br>Derive new variables and units | 6.5<br>Finalise outputs | 7.5<br>Manage user support | |
| 5.6<br>Calculate weights | | | |
| 5.7<br>Calculate aggregates | | | |
| 5.8<br>Finalise data files | | | |

DOSM | Sumber Statistik Rasmi Negara
*Ther Source of Malaysia's Official Statistics*

# Maklumat Korporat

01

## Peranan

Sebagai agensi utama dalam bidang perangkaan ke arah sistem maklumat yang bermutu, berorientasikan pengguna dan bertepatan masa, untuk pembentukan dasar perancangan pembangunan dan pentadbiran negara.

02

## Visi

Peneraju Perkhidmatan Statistik demi Kesejahteraan Sejagat

03

## Misi

Memacu statistik berintegriti dan perkhidmatan profesional untuk pembudayaan keputusan berasaskan bukti

## Objektif 01

- Mengukuh dan meningkatkan perkhidmatan statistik serta sistem penyampaian;
- Memenuhi keperluan pengguna dalam persekitaran yang dinamik dan mencabar;
- Meningkatkan keupayaan penyelidikan dan analisis data;
- Menggunakan metodologi statistik dan teknologi yang terbaik secara maksimum;
- Memupuk budaya inovasi dalam penghasilan dan penyampaian produk dan perkhidmatan perangkaan;
- Mempunyai sumber manusia yang kompeten dengan tahap profesionalisme yang tinggi; dan
- Memperluaskan penggunaan statistik di kalangan pengguna.

## Fungsi Jabatan 02

Di bawah "Akta Perangkaan 1965 (Disemak 1989)", fungsi utama Jabatan Perangkaan Malaysia ialah:

- Mengumpul dan mentafsirkan perangkaan bagi tujuan pembentukan atau pelaksanaan dasar-dasar kerajaan dalam apa juga bidang yang diperlukan oleh kerajaan atau bagi memenuhi keperluan-keperluan perdagangan, perniagaan, perindustrian, pertanian atau lain-lain.
- Menyebar perangkaan yang telah dikumpul atau tafsiran yang dibuat atas perangkaan yang dikumpul itu, bukan sahaja kepada agensi-agensi kerajaan, tetapi juga kepada pihak-pihak berkuasa atau orang-orang yang mana maklumat itu berguna untuk mereka

## Dasar Kualiti 03

Jabatan Perangkaan Malaysia komited untuk membekalkan maklumat dan perkhidmatan statistik yang berorientasikan pengguna, bertepatan masa dan berkualiti. Ia dicapai melalui penggunaan teknik statistik dan teknologi yang terkini dan sesuai serta melalui peningkatan pengetahuan dan kemahiran anggota Jabatan di pelbagai peringkat secara berterusan.

# Piagam Pelanggan

**DOSM** komited memberi perkhidmatan statistik yang bertepatan masa, *reliable* dan berintegriti iaitu:

1. Memastikan statistik disebar dan dapat diakses serentak secara atas talian mengikut Kalendar Keluaran Awalan (*Advanced Release Calendar* - ARC) yang ditetapkan.

2. Memastikan prasarana eStatistik boleh diakses 24 jam sehari.

3. Memastikan permohonan data disediakan dalam tempoh yang ditetapkan mengikut ketersediaan data dan kompleksiti permintaan;

   - Data diterbitkan dalam penerbitan dan portal disediakan dalam tempoh satu hingga dua hari bekerja;
   - Data tidak diterbitkan dan perlu diekstrak dari penjadualan komputer disediakan dalam tempoh tiga hingga lima hari bekerja;
   - Data yang memerlukan pengiraan, penyusunan dan prosesan tambahan disediakan dalam tempoh dua hingga 10 hari bekerja; atau
   - Data kompleks disediakan dalam tempoh tidak melebihi 30 hari bekerja.

**DOSM** sentiasa memberi perhatian kepada jalinan hubungan dengan pelanggannya dalam menyampaikan perkhidmatan statistik dan memastikan:

1. **Pelanggan di kaunter dilayan dalam tempoh 10 minit daripada masa ketibaan; dan**

2. **Pertanyaan, maklum balas dan aduan yang diterima dikendalikan dalam tempoh 7 hari bekerja.**

# Teras Nilai

**Dalam merealisasikan visi, misi dan objektif DOSM, semua anggota DOSM perlu menghayati dan mengamalkan nilai-nilai teras seperti berikut:**

## Kepuasan Pelanggan

Memberikan layanan yang mesra dan profesional kepada pengguna perangkaan. Sentiasa peka dan prihatin kepada keperluan pelanggan dalam persekitaran yang dinamik

## Profesionalisme

Mengamalkan profesionalisme dalam melaksanakan tugas dengan mempunyai komitmen yang tinggi, bertanggungjawab dan gigih, memiliki ciri-ciri bijaksana, kreatif, inovatif, berdaya saing dan proaktif serta bertindak berdasarkan amalan statistik terbaik.

## Kompeten

Mengutamakan kompetensi dengan sentiasa berusaha meningkatkan pengetahuan dan kemahiran untuk mencapai kualiti kerja terbaik, mempelajari pelbagai kemahiran bagi membuat pelbagai tugas, peka terhadap perubahan semasa, berdisiplin, kerohanian dan berdedikasi terhadap kerja serta pembelajaran berterusan.

## Integriti dan Akauntabiliti

Melaksanakan tugas dengan penuh amanah, ikhlas dan jujur mengikut peraturan dan prosedur kerja tanpa kepentingan peribadi, memastikan kerahsiaan maklumat individu responden dan bertanggungjawab terhadap tugas yang dilaksanakan.

## Semangat Berpasukan

Penglibatan semua anggota sebagai satu pasukan.

## Berhemah dan Berwibawa

Mempamerkan sifat terpuji seperti adil dan saksama, bertimbang rasa, mesra, sabar, tegas dan konsisten dalam membuat keputusan, dapat menyesuaikan diri dalam semua situasi, bersedia mendengar pandangan dan teguran, dan sentiasa berketerampilan dan berbudi bahasa.

# Kewangan

Pada tahun 2020, Jabatan Perangkaan Malaysia telah diluluskan peruntukan asal Belanja Mengurus sejumlah **RM189.9 juta** berbanding **RM188.5 juta** pada tahun 2019. Peruntukan asal Belanja Pembangunan turut meningkat daripada **RM136.7 juta** pada tahun 2019 kepada **RM328.4 juta** pada tahun 2020.

## Belanja Mengurus

- Peruntukan asal Belanja Mengurus adalah sebanyak **RM190 juta** meliputi program Dasar Sedia Ada (DSA) sejumlah **RM 189.5 juta**, Program Khusus Bertugas Luar Negara sejumlah **RM150 ribu** dan *One Off* Harta Modal sebanyak **RM300 ribu.**

- Walau bagaimanapun berikutan penyusunan semula agensi dan Kementerian pada 1 Mei 2020, Institut Maklumat dan Analisis Pasaran Buruh (ILMIA) telah ditempatkan di bawah Jabatan Perangkaan Malaysia dan menyebabkan berlakunya pertambahan peruntukan DSA. Di samping itu, pengurangan peruntukan Program Khusus Bertugas Luar Negara berlaku dalam tahun 2020 lanjutan daripada pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kerana ketiadaan permohonan ke luar negara. Ini menjadikan keseluruhan peruntukan sebenar Belanja Mengurus Jabatan bagi tahun 2020 adalah sebanyak **RM190.4 juta**.

- Sehingga 31 Disember 2020, prestasi perbelanjaan peruntukan Belanja Mengurus adalah 97.12 peratus dengan perincian seperti di bawah:-

### Perbelanjaan Belanja Mengurus Tahun 2020

| Dasar | Peruntukan Asal (RM ribu) | Peruntukan Sebenar (RM ribu) | Perbelanjaan (RM ribu) | Baki (RM ribu) | Prestasi Belanja (%) |
|---|---|---|---|---|---|
| DSA | 189,463.8 | 190,014.5 | 184.6 | 5,459.3 | 97.13 |
| Program Khusus | 150.0 | 73,825.1 | 73.7 | 0.16 | 99.78 |
| *One Off* | 300.0 | 300.0 | 274.4 | 25.6 | 91.47 |
| **Jumlah** | **189,913.8** | **264,139.6** | **184,903.2** | **5,485.06** | **97.12** |

## Belanja Pembangunan

- Peruntukan asal Belanja Pembangunan bagi tahun 2020 adalah sebanyak **RM328.4 juta** melibatkan tujuh (7) projek. Walau bagaimanapun, berlaku pertambahan sebanyak dua (2) projek iaitu Projek Projek Kajian Perburuhan Kementerian Sumber Manusia dan Projek Pembangunan Sistem Maklumat Pasaran Buruh berikutan perpindahan masuk ILMIA ke Jabatan Perangkaan Malaysia.

- Penularan wabak COVID-19 dan pelaksanaan PKP turut memberi implikasi kepada pelaksanaan penyiasatan, survei dan banci khususnya yang melibatkan kerja-kerja di lapangan. Setelah mengambil kira pemulangan peruntukan berikutan penyesuaian semula pelaksanaan penyiasatan, survei dan banci, peruntukan kemaskini Belanja Pembangunan tahun 2020 adalah sebanyak **RM160 juta**.

- Sehingga 31 Disember 2020, prestasi perbelanjaan peruntukan Belanja Pembangunan adalah 94.89 peratus. Perincian peruntukan dan prestasi perbelanjaan adalah seperti jadual di bawah:

## Perbelanjaan Belanja Pembangunan Tahun 2020

| Projek | Peruntukan Asal (RM ribu) | Peruntukan Sebenar (RM ribu) | Perbelanjaan (RM ribu) | Baki (RMribu) | Peratus Belanja (%) |
|---|---|---|---|---|---|
| Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 | 276,943.0 | 137,953.5 | 132,788.6 | 5,164.9 | 96.26 |
| Banci Perdagangan dan Edaran 2019 | 1,000.0 | 773.8 | 767.3 | 6.5 | 99.15 |
| Penyiasatan Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah/ Kemudahan Asas 2019/2020 | 21,000.0 | 4,999.9 | 3,775.0 | 1,224.9 | 75.50 |
| Banci Ekonomi & Perusahaan Kecil Sederhana 2020/2021 | 5,000.0 | 3,845.5 | 3,799.1 | 46.4 | 98.79 |
| Sistem Maklumat Bersepadu Statistik NEWSS Fasa V | 20,430.0 | 6,829.9 | 6,029.1 | 800.9 | 88.27 |
| Penyiasatan Guna Tenaga Suku Tahunan (*Job Creation*) | 2,000.0 | 1,999.9 | 1,885.6 | 114.3 | 94.28 |
| Penyiasatan Gaji dan Upah Suku Tahunan (Pertubuhan) | 2,000.0 | 1,999.9 | 1,755.6 | 244.4 | 87.78 |
| Projek Kajian Perburuhan Kementerian Sumber Manusia | 0.0 | 991.4 | 908.6 | 82.9 | 91.64 |
| Projek Pembangunan Sistem Maklumat Pasaran Buruh | 0.0 | 477.4 | 0.0 | 477.4 | 0.00 |
| **Jumlah (RM)** | **328,373.0** | **159,871.5** | **151,708.9** | **8,162.5** | **94.89** |

# Kawalan dan Pemantauan

Jabatan sentiasa memastikan pengurusan kewangan adalah cekap dan berkesan. Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun bertanggungjawab memantau perbelanjaan dan pengurusan kewangan Jabatan bagi memastikan peruntukan yang diberikan secara berhemah dan aktiviti dilaksanakan secara *value for money*.

# CARTA ORGANISASI

## KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA

### PROGRAM SOSIAL DAN PEMBANGUNAN TEKNIKAL

- Bahagian Perangkaan Harga, Pendapatan dan Perbelanjaan
- Bahagian Perangkaan Penduduk dan Demografi
- Bahagian Perangkaan Tenaga Manusia dan Sosial
- Bahagian Integrasi dan Pengurusan Data
- Bahagian Perangkaan Pertanian dan Alam Sekitar
- Bahagian Metodologi dan Penyelidikan

### PROGRAM PENGURUSAN KORPORAT

- Bahagian Pengurusan Maklumat
- Bahagian Khidmat Pengurusan
- Bahagian Perangkaan Komunikasi Strategik dan Antarabangsa
- Institut Latihan Statistik Malaysia

### PROGRAM EKONOMI

- Bahagian Perangkaan Akaun Negara
- Bahagian Perangkaan Perkhidmatan
- Bahagian Perangkaan Perdagangan Antarabangsa
- Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri dan Binaan
- Bahagian Perangkaan Imbangan Pembayaran
- Bahagian Petunjuk Ekonomi

### JABATAN PERANGKAAN NEGERI

- **Wilayah Persekutuan**: Labuan, Putrajaya
- **Johor**: Keluang, Muar
- **Kedah**: Langkawi, Sg. Petani
- **Kelantan**: Kuala Krai
- **Pahang**: Bentong, Temerloh
- **Melaka**
- **N. Sembilan**
- **Perlis**
- **Perak**: Taiping, Teluk Intan
- **Pulau Pinang**: Seberang Prai
- **Sabah**: Keningau, Kota Marudu, Lahad Datu, Sandakan, Tawau
- **Sarawak**: Bintulu, Kapit, Limbang, Miri, Sarikei, Sibu, Sri Aman
- **Selangor**: Gombak, Kajang
- **Terengganu**: Besut, Kerteh

# Carta Organisasi

## PENGURUSAN



**DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN**
KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA



**PUAN HAJAH NAZARIA BAHARUDIN**
TIMBALAN KETUA PERANGKAWAN
PROGRAM SOSIAL DAN PEMBANGUNAN TEKNIKAL

**KOSONG**
TIMBALAN KETUA PERANGKAWAN
PROGRAM EKONOMI

# PENGURUSAN KORPORAT



**PUAN MARIYAM BINTI MOHAMAD**
PENGARAH KANAN
BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT



**ENCIK HAJI MOHAMAD ZAHIRI BIN HAJI SAMINGON**
PENGARAH
BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN



**ENCIK MOHD RIDAUDDIN BIN MASUD**
PENGARAH
INSTITUT LATIHAN STATISTIK MALAYSIA



**PUAN SHAFIZAERMAWATY BINTI SHAFEI**
PENGARAH
BAHAGIAN PERANGKAAN KOMUNIKASI STRATEGIK DAN ANTARABANGSA



**KOSONG**
PENGARAH EKSEKUTIF
*MALAYSIAAN BUREAU OF LABOUR STATISTICS* (MBLS)



**PUAN BETTY BINTI HASAN**
PENGARAH KANAN
INSTITUT MAKLUMAT DAN ANALISIS PASARAN BURUH (ILMIA)

# SOSIAL DAN PEMBANGUNAN TEKNIKAL



**DATIN SERI ROZITA BINTI TALHA**

PENGARAH KANAN
BAHAGIAN PERANGKAAN PENDUDUK DAN DEMOGRAFI



**PUAN SITI ASIAH BINTI AHMAD**

PENGARAH KANAN
BAHAGIAN PERANGKAAN HARGA, PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN



**PUAN JAMALIAH BINTI JAAFAR**

PENGARAH
BAHAGIAN INTEGRASI DAN PENGURUSAN DATA



**PUAN RIYANTI BINTI SAARI**

PENGARAH
BAHAGIAN METODOLOGI DAN PENYELIDIKAN



**PUAN SITI ZAKIAH BINTI MUHAMAD ISA**

BAHAGIAN PERANGKAAN PERTANIAN DAN ALAM SEKITAR



**PUAN ROSLAWATI BINTI YAHYA**

PENGARAH
BAHAGIAN PERANGKAAN TENAGA MANUSIA DAN SOSIAL

# EKONOMI



**PUAN NORHAYATI BINTI JANTAN**
PENGARAH KANAN
BAHAGIAN PERANGKAAN AKAUN NEGARA



**ENCIK ZAINUDDIN BIN AHMAD**
PENGARAH KANAN
BAHAGIAN PERANGKAAN PERKHIDMATAN



**PUAN SITI HASLINDA BINTI MOHD DIN**
PENGARAH
BAHAGIAN PERANGKAAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA



**CIK KANAGESWARY A/P RAMASAMY**
PENGARAH
BAHAGIAN PERANGKAAN IMBANGAN PEMBAYARAN



**PUAN JAMIA AZNITA BINTI JAMAL**
PENGARAH
BAHAGIAN PETUNJUK EKONOMI



**ENCIK AB. RAHMAN BIN MOHAMAD**
PENGARAH
BAHAGIAN PERANGKAAN PENGELUARAN INDUSTRI DAN BINAAN

# DOSM NEGERI



**ENCIK WAN MOHD SHAHRUL NIZAM BIN WAN MOHD NAJURI**
PENGARAH
NEGERI JOHOR



**ENCIK MUHAMMAD AMRI BIN IDRIS**
PENGARAH
NEGERI SELANGOR



**PUAN NORFARIZA HANIM BINTI KASIM**
PENGARAH
NEGERI WILAYAH PERSEKUTUAN



**PUAN RAFLIZA BINTI RAMLI**
PENGARAH
NEGERI PERAK



**ENCIK MOHD SUHAIMI BIN MOHD YUNUS**
PENGARAH
NEGERI PULAU PINANG



**ENCIK ZURAIDY BIN HAJI ZAINAL ABIDIN**
PENGARAH
NEGERI KELANTAN



**PUAN SUZANA BINTI ABU BAKAR**
PENGARAH
NEGERI KEDAH



**PUAN HARTINI BINTI MOHD YUSOF**
PENGARAH
NEGERI SEMBILAN



**ENCIK ZAINOL BINTI JAMIL**
PENGARAH
NEGERI SABAH



**ENCIK MOHD SOFI BIN ALI**
PENGARAH
NEGERI TERENGGANU



**PUAN DAYANG ROZANA BINTI ABANG HASSAN**
PENGARAH
NEGERI SARAWAK



**PUAN YUSNITA BINTI MOHD YUSOF**
PENGARAH
NEGERI PAHANG



**ENCIK MOHAMAD HAMIZAN BIN ABDULLAH**
PENGARAH
NEGERI MELAKA



**PUAN PATHMAVATHI A/P APPULAN AIDU**
PENGARAH
NEGERI PERLIS

# Majlis Pelancaran *Mini Pavilion* DOSM
# 21 Julai 2020






# AKTIVITI UTAMA DOSM

Data 32

Rangka Statistik 33

Konsultansi/Rundingan Teknikal 34

# Data

Fungsi DOSM yang utama adalah untuk memungut, mentafsir serta menyebar perangkaan yang bertepatan masa, berkualiti dan terkini untuk memantau prestasi ekonomi dan juga pembangunan sosial negara. Bagi melaksanakan fungsi ini, terdapat dua kaedah yang DOSM jalankan.

Pertama, DOSM melaksanakan pelbagai banci dan survei secara bulanan, suku tahunan dan tahunan serta adhoc dalam bidang ekonomi dan sosial. Selain itu, DOSM juga menggunakan data sekunder diperoleh daripada pelbagai sumber termasuk rekod pentadbiran yang diperoleh daripada agensi kerajaan. Data tersebut disusun dan kemudian, diterbitkan oleh DOSM.

Sepanjang tahun 2020, DOSM telah menerbitkan sebanyak **519 penerbitan**. Daripada jumlah tersebut, terdapat **204 penerbitan** baharu. Pecahan penerbitan mengikut kategori dan kekerapan adalah seperti berikut:

| Kategori | Ekonomi | Sosial | Umum |
|---|---|---|---|
| Bulanan | 90 | 96 | 12 |
| Suku Tahunan | 38 | 19 | - |
| Tahunan | 61 | 203 | - |
| **JUMLAH** | **189** | **318** | **12** |

# Rangka Statistik

## *Malaysia Statistical Address Register* (MSAR)

MSAR merupakan **platform pangkalan data tempat kediaman (TK)** yang dibangunkan oleh DOSM bagi menyokong pelaksanaan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia Banci 2020. Bagi tujuan persediaan Banci 2020, kerja-kerja penyelarasan, pemetaan dan semakan M8 sedang giat dijalankan oleh Jabatan.

Sehingga 31 Disember 2020, bilangan Daerah Pentadbiran (DP) adalah **160** berbanding **144** pada tahun 2010 manakala bilangan Daerah Banci (DB) seluruh Malaysia adalah **1,107 DB** berbanding pada tahun 2010 adalah sebanyak **807 DB**.

Senarai blok penghitungan (BP) dan TK dikemaskini melalui sistem bersepadu dalam talian yang dikenali sebagai Sistem Rangka Isi Rumah di bawah platform *National Enterprise Wide Statistical Systems* (NEWSS). Sistem ini memainkan peranan utama dalam pengeluaran statistik isi rumah dan juga merupakan sumber rangka utama banci dan survei isi rumah yang dilaksanakan di DOSM. Sehingga 31 Disember 2020, bilangan BP adalah **99,356 BP** dan **9,399,552 TK**.

## *Malaysia Statistical Business Register* (MSBR)

MSBR adalah satu daftar lengkap **senarai pertubuhan yang merangkumi perniagaan dan syarikat yang beroperasi di Malaysia**. Senarai pertubuhan di MSBR meliputi semua pertubuhan yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) samada di bawah pendaftaran syarikat (ROC), Perniagaan (ROB) dan *Limited Liability Partnership* (LLP) serta pertubuhan yang berdaftar dengan Pihak Berkuasa Tempatan dan badan-badan profesional.

Peranan MSBR adalah sebagai sumber rangka pertubuhan untuk banci dan rangka persampelan untuk survei ekonomi di DOSM. Pengemaskinian rangka pertubuhan dilakukan secara atas talian di bawah platform NEWSS. Pertubuhan di MSBR dikelaskan mengikut **lapan (8) sektor**.

Sehingga 31 Disember 2020, jumlah keseluruhan bilangan pertubuhan di MSBR adalah sebanyak **1,184,008**. Pecahan mengikut sektor adalah seperti berikut:



# Konsultansi/ Rundingan Teknikal

Rundingan teknikal terdiri daripada kaedah pensampelan, metodologi kajian, kod dan klasifikasi, pembekalan senarai rangka dan pemilihan sampel. Rundingan teknikal ini juga termasuk cadangan pembangunan data kajian, jalinan kerjasama bagi pembekalan dan perkongsian data, pengesahan data penerbitan/kajian dan sebagainya.

Penglibatan DOSM dalam memberikan khidmat nasihat ini dapat membantu agensi berkaitan dalam melaksanakan kajian yang dilaksanakan serta penghasilan indikator baharu yang diperlukan.






**Taklimat *MyIPCS Status MyCencus* 2020**
**10 September 2020**

**Pelancaran Hari Banci Malaysia**
**7 Julai 2020**






# PENCAPAIAN SIGNIFIKAN 2020


| | |
|---|---|
| Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 | 38 |
| Proses pelaksanaan Banci Penduduk & Perumahan Malaysia 2020 | 39 |
| Hari Statistik Negara (HSN) 2020 | 45 |
| *7th MyStats Conference 2020* | 47 |
| Keluaran Statistik Baharu | 48 |
| Program Kerja AD HOC: COVID-19 | 51 |
| *Webinar Sustainable Development Goals (SDG)* | 52 |
| Seminar *My Local Stats 2020* | 53 |
| Pertandingan Datathon 2020 | 54 |
| Diari DOSM 2020 | 55 |

# Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020

Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 **(Banci Malaysia 2020)** adalah projek banci yang akan dijalankan di semua kawasan perumahan dan kediaman di seluruh Malaysia pada tahun 2020. Banci 2020 adalah **banci yang keenam** dilaksanakan semenjak penubuhan Malaysia pada tahun 1963. Pelaksanaan Banci 2020 adalah merujuk kepada peruntukan yang terkandung dalam **Akta Banci 1960 (disemak 1969)**. Akta ini turut memastikan bahawa semua maklumat individu yang dikumpul adalah sulit dan tidak akan didedahkan.

## Definisi Banci

Banci Malaysia 2020 dijalankan untuk mendapatkan stok dan profil penduduk dan perumahan yang komprehensif dan terperinci pada suatu masa sebagai penanda aras bagi ciri-ciri demografi dan sosio-ekonomi penduduk. Data banci menjadi asas dalam pemantauan arah aliran penduduk dan perumahan untuk perancangan pembangunan negara. Banci ini dijalankan **setiap 10 tahun** sekali.

## Hari Banci, Tempoh Pelaksanaan Banci, Garis Masa

Bagi menetapkan Hari Banci, tarikh tersebut sebaik-baiknya bebas daripada perayaan, musim angina monsun, cuti-cuti am, bulan puasa, musim haji dan apa-apa peristiwa besar yang mungkin boleh menyebabkan berlakunya banyak pergerakan penduduk. Berdasarkan faktor-faktor tersebut, cadangan tarikh banci adalah pada tahun 2020. Walau bagaimanapun, **Jabatan Perangkaan telah melaksanakan kerja perancangan dan persediaan banci mulai tahun 2016**, antaranya aktiviti pengemaskinian rangka dan pendigitalan peta, penyelidikan soal selidik, kajian mod pembancian dan pembangunan modal insan berkaitan banci.




## Konsep De Jure

Banci Penduduk dan Perumahan 2020 menggunakan pendekatan "de jure" bermaksud di mana semua orang dihitung pada **Hari Banci (7 Julai 2020)** mengikut tempat tinggal biasa mereka.

## Konsep De Facto

Konsep "de facto" bermaksud di mana semua orang dihitung mengikut tempat mereka berada pada Malam Banci.

# Proses pelaksanaan Banci Penduduk & Perumahan Malaysia 2020

YB Dato' Sri Mustapa Mohamed dan YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd. Uzir Mahidin Sembah Mengadap **KDYMM Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong** mengenai Taklimat Pelaksanaan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020.







YB Dato' Sri Mustapa Mohamed dan YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd. Uzir Mahidin Sembah Mengadap **KDYMM Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah** mengenai taklimat pelaksanaan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 pada **23 Jun 2020.**

# Mesyuarat Jawatankuasa Utama Banci Penduduk Dan Perumahan Bil. 1/2020







Mesyuarat Jawatankuasa Utama Banci Penduduk Dan Perumahan Bil. 1/2020 pada **30 Januari 2020**.
Lokasi: Bilik Mawar, Aras 8, Jabatan Perangkaan Malaysia.

# Bengkel Memuktamadkan Dokumen Banci 2020










Bengkel Memuktamadkan Dokumen Banci 2020
pada **15-17 Januari 2020.**

Lokasi: Dewan Sigma, Institut Latihan Statistik Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia, Sungkai, Perak.

# Pelancaran Hari Banci 7.7.2020

Majlis Pelancaran Hari Banci Malaysia 7 Julai 2020 bertemakan "6 Dekad Membina Negara" yang telah disempurnakan oleh YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, Perdana Menteri Malaysia, berlangsung di PICC Putrajaya.








Pelbagai aktiviti dan program menarik yang diadakan sempena pelancaran Hari Banci 7.7.2020 antaranya Sesi Media Cakna Banci bersama Pesuruhjaya Banci 2020, pameran daripada pelbagai agensi kerajaan, *Government-Linked Companies* (GLCs) dan swasta, kemunculan mascot Abam Banci dan Akak Banci, dan Seminar MyCensus2020 Statistik Kependudukan Memacu Kelestarian Malaysia serta webinar antarabangsa dengan tema "*Counting Everyone for a Better Tomorrow*". Di samping itu, Lagu Tema "Banci Malaysia" turut diperdengarkan semasa majlis berlansung.





# Seminar Banci Malaysia 2020

Seminar Banci Malaysia 2020 yang bertajuk "Statistik Kependudukan Memacu Kelestarian Malaysia" telah turut dilaksanakan pada Pelancaran Hari Banci 7 Julai 2020 di Putrajaya International Convention Centre (PICC), Putrajaya.
















# Sesi pengisian e-Census bersama YBhg. Dato' Sri Mustapa Mohamed

Sesi pengisian e-Census bersama YBhg.Dato' Sri Mustapa Mohamed telah dilaksanakan pada 29 Julai 2020 di Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.








# Program Eksekutif Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 kepada Timbalan Pesuruhjaya Banci

Program Eksekutif Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 kepada Timbalan Pesuruhjaya Banci juga telah diadakan pada 17 – 18 Ogos 2020 di Hotel Everly, Putrajaya.









# Majlis Solat Hajat & Doa Selamat Sempena Pelaksanaan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia Tahun 2020

Majlis solat hajat dan doa selamat bersama-sama warga DOSM sempena pelaksanaan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 telah diadakan pada **10 Januari 2020**, anjuran Persatuan Kebajikan Islam Statistik dengan kerjasama Bahagian Perangkaan Penduduk dan Demografi.







# Aktiviti Banci 2020 secara Keseluruhan

Terdapat pelbagai aktiviti berkenaan dengan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 telah dilaksanakan. Aktiviti-aktiviti ini turut boleh didapati melalui Portal Banci 2020 dan Facebook Banci 2020.

Portal Banci 2020 (Media)

Facebook Banci 2020

# Hari Statistik Negara (HSN) 2020

*United Nations General Assembly* (UNGA) telah mengisytiharkan Hari Statistik Sedunia disambut pada 20 Oktober 2010 dan diraikan setiap lima tahun. Buat julung kalinya pada tahun 2017, Hari Statistik Negara telah diisytiharkan dan disambut secara tahunan pada setiap 20 Oktober bermula 20 Oktober 2017. Objektif HSN adalah:

01 Meningkatkan kesedaran pengguna dan masyarakat awam mengenai program Banci Penduduk dan Perumahan 2020 yang akan dijalankan.

02 Meningkatkan kesedaran dan kefahaman di kalangan komuniti statistik berkaitan kepentingan statistik kepada pembangunan dan kesejahteraan rakyat.

03 Mengukuhkan kerjasama strategik bersama pengguna utama dan agensi lain bagi memastikan penghasilan statistik rasmi yang lebih berintegriti dan *reliable*.

04 Mengiktiraf sumbangan komuniti statistik di Malaysia, terutamanya dalam pengurusan statistik rasmi berdasarkan kepada asas - asas perkhidmatan, integriti dan profesionalisme.

05 Mendekatkan diri kepada rakyat bagi memastikan usaha-usaha penghasilan statistik rasmi ini mendapat sokongan yang lebih baik dan berterusan.

06 Menjadi nilai tambah kepada komuniti statistik dengan penglibatan di dalam pelbagai aktiviti yang telah direncanakan.

# Aktiviti HSN 2020

Antara aktiviti HSN 2020 yang dilaksanakan seperti berikut:




Aktiviti-aktiviti tersebut juga boleh didapati melalui Facebook Hari Statistik Negara.

**Facebook Hari Statistik Negara**

# 7th MyStats Conference 2020

Persidangan Statistik Malaysia ke-7 (*MyStats 2020*) telah diadakan dengan jayanya pada **20 dan 22 Oktober 2020** dengan bertemakan *Census Shapes Nation's Future* anjuran bersama antara DOSM, Bank Negara Malaysia (BNM) dan Institut Statistik Malaysia (ISM). *MyStats* 2020 buat julung kali diadakan secara maya ekoran negara mengalami pandemik COVID-19. *MyStats* 2020 ini telah dirasmikan oleh YB Dato' Sri Mustapa bin Mohamed, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi).




*MyStats* 2020 terbahagi kepada dua program iaitu Persidangan diadakan pada 20 Oktober 2020 dan Kursus Jangka Pendek pada 22 Oktober 2020. Persidangan terdiri daripada **tiga sesi** iaitu sesi **forum, plenari dan parallel**. Sesi forum yang bertemakan "*Data Revolution: Transformation in the Digital Age*" dan YBrs. Puan Hajah Nazaria Baharudin selaku moderator bersama tiga orang ahli panel dari *Office for National Statistics* (ONS) United Kingdom, Urbanice Malaysia dan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri telah dijemput bagi berkongsi kepakaran mereka.







YBhg. Dato' Sri Dr. Ketua Perangkawan Malaysia pula telah mempengerusi sesi plenari dengan tema *Census Shapes Nation's Future*. Tiga ahli panel iaitu Prof. Dato' Dr. Nor Aieni Binti Haji Mokhtar (Universiti Malaysia Terengganu), Mr. Srdjan Mrkic (*United Nations Statistics Division*) dan Dr. Yusminar Yunus (MAMPU) telah membahaskan topik tersebut. Sementara itu, sebanyak **17 kertas saintifik** mengikut sub-tema telah dibentangkan dalam sesi parallel dan **13 saintifik poster** telah dipaparkan di portal Jabatan di ruangan *MyStats* 2020.

# Keluaran Statistik Baharu

## Survei Perbelanjaan Isi Rumah 2019

Menerbitkan satu (1) laporan peringkat Malaysia dan buat kali pertama mengeluarkan 14 laporan Negeri. Objektif utama pelaksanaan survei ini adalah untuk mendapatkan **data komprehensif mengenai tingkat dan pola perbelanjaan pelbagai barangan & perkhidmatan**. Senarai yang dikemaskini secara berterusan berdasarkan data pentadbiran ini menjadi asas kepada rangka isi rumah yang menyeluruh meliputi semua negeri mengikut lokaliti kawasan bandar dan luar bandar. Ianya membolehkan sampel yang dipilih lebih terperinci sehingga ke peringkat daerah pentadbiran serta dapat mewakili seluruh 8.0 juta populasi isi rumah.







## Survei Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIS & BA) 2019

Menerbitkan satu (1) laporan peringkat Malaysia dan 14 laporan Negeri. Penemuan utama survei ini memuatkan penerangan berkaitan **analisis pendapatan, kemiskinan dan kemudahan asas yang dicapai oleh isi rumah Malaysia**. Senarai ini dikemaskini secara berterusan oleh DOSM dan menjadi asas kepada rangka isi rumah yang menyeluruh meliputi semua negeri mengikut strata kawasan bandar dan luar bandar. Ianya membolehkan sampel yang dipilih dapat mewakili seluruh populasi. Dalam konteks pendapatan dan kemudahan asas, survei yang dilaksanakan adalah mewakili 7.3 juta isi rumah warganegara di Malaysia pada tahun 2019.

## Penerbitan Survei Penggunaan dan Capaian ICT oleh Individu dan Isi Rumah

DOSM telah menerbitkan Penerbitan Survei Penggunaan dan Capaian ICT oleh Individu dan Isi Rumah. Statistik yang diterbitkan dalam laporan ini adalah hasil dapatan Survei Penggunaan dan Capaian ICT oleh Individu dan Isi Rumah (ICTHS) 2019. Objektif utama pelaksanaan survei ini adalah untuk **mengumpul maklumat yang lengkap dan terkini berkenaan penggunaan dan capaian ICT oleh individu dan isi rumah (IR)**. Ianya menyediakan data di peringkat nasional, negeri dan daerah pentadbiran. Survei ini dilaksanakan pada September sehingga November 2019 melalui kaedah temu ramah. Laporan ini telah diterbitkan pada **10 April 2020**.



## *Malaysia Trade Statistics Review* Vol. 1/2020

Penerbitan *Malaysia Trade Statistics Review* (MTSR) Vol. 1/2020 merupakan inisiatif DOSM dengan mengeluarkan dan menyediakan laporan yang komprehensif dan teratur mengenai keadaan semasa untuk pihak pemegang taruh dan kerajaan bagi mempercepatkan perancangan dasar strategik untuk menangani krisis ekonomi secara berkesan dengan menghadapi persekitaran mencabar yang sedang dihadapi oleh rakyat Malaysia. MTSR ini menyediakan **maklumat tentang prestasi perdagangan barangan Malaysia, impak COVID-19 terhadap perdagangan Malaysia, eksport Perusahaan Kecil Sederhana (PKS), import utama barangan pengguna terpilih, eksport import mengikut negeri, prestasi pelaburan langsung asing di Malaysia** dan hubungkait prestasi perdagangan dengan statistik lain yang dikeluarkan oleh DOSM.







## *Malaysia Trade Statistics Review* Vol 2/2020

MTSR Jilid kedua ini **menekankan kepada Perdagangan dua hala Malaysia dengan negara China selaku rakan dagangan terbesar negara**. Ia memfokuskan kepada Perdagangan Malaysia dengan China bagi barangan elektrik dan elektronik dan hubungannya dengan sektor pembuatan, produktiviti pekerja, perubahan komposisi dalam perdagangan Malaysia-China, kesan daripada COVID-19 dan juga pelaburan antara kedua-dua negara. Di samping itu, ia juga mengetengahkan statistik import limau mandarin dari China.

## MYSEEA PSUT AIR, 2015

Akaun Air, Malaysia (MySEEA PSUT Air) 2015 yang diterbitkan pada Jun 2020 **merangkumi statistik penawaran dan penggunaan air di Malaysia bagi tahun 2015 yang bertujuan melihat sumbangan alam sekitar kepada ekonomi dan juga kesan ekonomi terhadap alam sekitar**. Penyusunan akaun air disusun berdasarkan konsep dan garis panduan yang disarankan dalam *System of Environmental-Economic Accounting* (SEEA) oleh *United Nations*. Statistik ini boleh digunakan untuk mengukur kecekapan penggunaan dan kelestarian sumber air di samping menjadi input kepada dasar berkaitan air. Statistik ini juga boleh digunakan sebagai sumber rujukan oleh penyelidik dan akademik.



## Statistik Sosial dan Ekonomi Malaysia

Statistik Sosial dan Ekonomi Malaysia yang pertama kali diterbitkan pada tahun 2020 merupakan laporan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) yang **memaparkan senario sosioekonomi negara yang berlaku dari tahun 1970 hingga suku pertama 2020**. Malaysia telah mengalami perubahan sosioekonomi dari zaman merdeka sehingga kini. Dalam tempoh tersebut, Malaysia telah mengecapi kemakmuran ekonomi dan sosial yang memberangsangkan. Namun demikian, negara tidak sunyi daripada menghadapi cabaran ekonomi dan sosial kesan daripada krisis ekonomi global. Kandungan laporan meliputi kependudukan dan demografi penduduk, tenaga buruh dan gaji & upah, pendapatan isi rumah dan insiden kemiskinan, inflasi, Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), perdagangan, pelancongan, keselamatan awam dan alam sekitar. Elemen *Sustainable Development Goals* (SDGs) juga turut dijajarkan di dalam laporan ini.




## Statistik Perdagangan Malaysia mengikut Negeri 2020




Penerbitan Statistik Perdagangan Malaysia mengikut Negeri 2020 merupakan penerbitan pertama yang **membentangkan statistik tahunan Perdagangan Antarabangsa Malaysia (barangan) berkaitan import dan eksport di peringkat negeri dengan seluruh dunia dari tahun 2014 hingga 2019**. Di samping itu, penerbitan ini juga menyediakan statistik terperinci bagi setiap negeri mengikut komoditi utama / terpilih dan negara asal serta destinasi bagi tahun 2017-2019. Statistik komprehensif ini dihasilkan dari modul *Trade Enterprise Characteristics* (TEC), iaitu salah satu inisiatif Jabatan di bawah *Statistics Big Data Analytics* (STATSBDA) dengan menerapkan penggunaan analisis *Big Data*. TEC mengintegrasikan dua domain statistik yang berbeza iaitu pangkalan data perdagangan barangan antarabangsa dan *Malaysia Statistical Business Register* (MSBR). Penerbitan ini telah dilancar dan diterbitkan secara umum pada **18 Disember 2020** oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin.

## Laporan Interim Profil Sektor Informal dan Industri Mikro (SIIM) 2020

Statistik Sektor Informal dan Industri Mikro (SIIM), Malaysia 2020 diterbitkan berdasarkan pangkalan data SIIM bagi tahun rujukan 2019 yang disusun diperingkat negeri dan nasional. Statistik ini bersumberkan data sekunder daripada kementerian dan agensi kerajaan lain yang berkaitan dan memenuhi definisi serta garis panduan *Measuring Informality*: *A Statistical Manual on the Informal Sector and Informal Employment* diterbitkan oleh *International Labour Organization*. Penerbitan ini merupakan **input penting kepada perancangan dasar sosial dan ekonomi negara serta sumber rujukan kepada penyelidik dan akademik**. Laporan awalan analisis sektor informal telah dimajukan kepada YBhg. Dato' Sri Dr. Ketua Perangkawan pada 31 Julai 2020, untuk edaran secara terhad.



# Program Kerja *AD HOC*: COVID-19

Menyediakan statistik, laporan, artikel dan maklumat lain yang signifikan kepada umum.



# Webinar *Sustainable Development Goals* (SDG)




Penerbitan *Sustainable Development Goals* (SDG) *Indicators*, Malaysia 2019 telah dilancarkan pada **10 Disember 2020** (Khamis) oleh YB Dato' Sri Mustapa bin Mohamed, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi). Majlis Pelancaran secara virtual ini disusuli dengan Sesi Webinar 2020 yang melibatkan barisan panel tempatan dan antarabangsa.



Webinar ini membincangkan isu berkaitan SDG dan harapan masa depan serta jajaran kesinambungan matlamat dan tindakan SDG di peringkat global dan negara. Webinar ini telah disertai oleh **400 peserta** dari seluruh negara antaranya adalah ketua-ketua jabatan, Setiausaha Kerajaan Negeri, pihak berkuasa tempatan, akademia, pelajar universiti, wakil majlis persatuan pelajar, wakil ahli Parlimen dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).






# Seminar *My Local Stats* 2020




Seminar *My Local Stats* 2020 bersama Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dan Pegawai Daerah yang bertemakan **Statistik Daerah & Tempatan Ke Arah Kecekapan Perancangan dan Pengurusan Sumber** telah diadakan pada **19 November 2020** yang lalu secara maya.




Seminar ini telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Seri Mohd Zuki bin Ali, Ketua Setiausaha Negara. Produk Jabatan yang terlibat dalam seminar ini adalah penerbitan ***My Local Stats* 2019, Laporan Sosioekonomi 2019 dan Laporan Survei Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2019**.

Seramai **354 peserta** telah menyertai seminar ini termasuk anggota pengurusan tertinggi dan pegawai kanan daripada Jabatan Perdana Menteri, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM), Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan (ICU), Unit Pemodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT).





# Pertandingan Datathon 2020




DOSM Virtual Datathon (DvD) 2020 telah diadakan bermula 23 November sehingga 30 November 2020. Pertandingan ini terbuka kepada semua pelajar daripada universiti awam dan swasta dengan keanggotaan minimum seramai 3 orang dan maksimum seramai 5 orang. Sebanyak 58 penyertaan telah diterima daripada 13 universiti awam dan swasta. Manakala, sepuluh (10) penyertaan telah disenarai pendek dan layak ke peringkat akhir.

**Penilaian akhir DVD 2020 telah diadakan pada 9 Disember 2020**. Majlis Penyampaian Hadiah DVD 2020 pula telah diadakan pada 18 Disember 2020 bertempat di Dewan Anggerik, Aras 2, DOSM. Majlis ini telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia.




**Kumpulan Futurists** daripada UiTM telah dinobatkan sebagai Juara DVD 2020 dengan memenangi wang tunai sebanyak RM3,000.

# Diari DOSM 2020


**Sesi *Data Review* Survei Pendapatan, Perbelanjaan & Kemudahan Asas (HIES & BA) 2019 Bil. 1 2020**
30 Januari 2020


**Kursus Asas Fotografi di ILSM**
4 Februari 2020


**Meeting Pengurusan DOSM COVID-19**
17 Mac 2020


**Sesi Memuktamadkan Data WRC 2019 Fasa II di Hotel Marriot Putrajaya**
10 Mac 2020


**Penyerahan Lagu Banci Tomok dan AG Coco**
3 Julai 2020


**DSKP Bersama PTD Training**
15 Julai 2020



**Majlis Pelancaran Mini *Pavilion* DOSM**
21 Julai 2020



**Lawatan DSKP ke *Call Centre***
12 Ogos 2020




**Lawatan Kerja Rasmi & Perjumpaan Warga DOSM bersama YB Menteri**
10 September 2020




***Reminiscing* ISI WSC 2019**
18 Ogos 2020



**Perasmian SCDP 2020**
28 September 2020



**Majlis Persaraan YBrs. Dr. Haji Abd. Latib bin Talib**
1 Oktober 2020



**Watikah Pelantikan Kenaikan Pangkat**
15 Oktober 2020


**Seminar MyLocalStats 2020**
19 November 2020


**Program Malaysia Hari Ini (MHI)**
7 Disember 2020



**Bicara Berita Harian (BH)**
3 Disember 2020



**Pelancaran Laporan SDG Malaysia 2019 dan Webinar**
10 Disember 2020


***StatsChat with GenZ@IPT***
11 Disember 2020

**Kunjungan hormat daripada *United Nations Children's Fund (UNICEF)* Malaysia**
**28 Januari 2020**





# MODAL INSAN DAN PEMBANGUNAN KAPASITI


| | |
|---|---|
| Perjawatan 2020 | 60 |
| Institut Latihan Statistik Malaysia (ILSM) | 61 |
| Kursus dan Program Latihan | 62 |
| Pengiktirafan & Pencapaian Anggota DOSM | 64 |
| Sesi Lawatan Rasmi Ketua Perangkawan Malaysia | 64 |

# Perjawatan 2020

Pada tahun 2020, daripada 3,190 perjawatan, sebanyak **2,959** telah diisi dengan pecahan seperti berikut:

| Bil. | Kumpulan Perjawatan | Bilangan Jawatan | Bilangan Pengisian | Peratus Pengisian |
|---|---|---|---|---|
| 1 | *Kumpulan Pengurusan Tertinggi* | 10 | 8 | 80.0% |
| 2 | *Pengurusan dan Profesional* | 454 | *430* | *94.7%* |
| 3 | *Kumpulan Sokongan 1* | 2596 | *2400* | *92.4%* |
| 4 | *Kumpulan Sokongan 2* | 130 | *121* | *93.1%* |
| **JUMLAH** | | **3190*** | **2959** | **92.8%** |

* Termasuk 40 jawatan kumpulan

## Perjawatan dan Keanggotaan

Secara keseluruhannya, pada tahun 2020 Jabatan Perangkaan Malaysia mempunyai 3,190 perjawatan terdiri dari **1,028 perjawatan** di Ibu Pejabat dan **2,162 perjawatan** di peringkat Negeri. Bilangan pengisian anggota sehingga 31 Disember 2020 adalah pada kadar **96.1%** di Ibu Pejabat dan **90.6%** di peringkat Negeri.

## Bilangan dan Kadar Pengisian Anggota Mengikut Jantina




## Perjawatan Kader

Sebanyak **233** perjawatan kader perangkaan diwujudkan di pelbagai agensi kerajaan lain. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **210 (90.0%)** perjawatan telah diisi dan ditempatkan di kementerian / jabatan persekutuan. Penempatan ini adalah berdasarkan waran perjawatan dan permohonan daripada agensi kerajaan terkaitan.

# Institut Latihan Statistik Malaysia (ILSM)

1 Menjadi institusi pembelajaran statistik yang unggul.

2 Memperkasa pembangunan modal insan yang cemerlang melalui pembelajaran yang berkualiti dan berinovatif.

3 Pembinaan ILSM bermula pada tahun 2009 ini telah siap sepenuhnya pada **28 Disember 2011** dan mula beroperasi pada **3 Januari 2012.**



# Kursus dan Program Latihan

Walaupun berlakunya penularan pandemik COVID-19, ILSM meneruskan pelaksanaan kursus program latihan kepada warga DOSM dengan menggunakan kaedah *e-learning* dan secara webinar selain kaedah secara bersemuka dengan peserta kursus. Sebanyak **14 kursus** program yang dilaksanakan oleh ILSM dengan penyertaan **521 orang** peserta.

Ringkasan pelaksanaan kursus/program adalah seperti berikut:

| Bil | Kategori | Bilangan Kursus | Bilangan Peserta |
|---|---|---|---|
| 1 | *Functional* | 5 | 216 |
| 2 | *ICT* | 4 | *53* |
| 3 | *Generik* | 3 | *72* |
| 4 | *Ad Hoc* | 2 | *192* |
| | **Jumlah** | **14** | **521** |

**25 - 26 FEB.** Pemprosesan data menggunakan perisian SPSS

**14 - 20 JUN** Prinsip ekonomi *(e-Learning)*

**14 - 20 JUN** Asas ekonomi *(e-Learning)*

**24 JUN** "Sesi Percambahan Minda : Pandemik COVID-19 - Sejauh Manakah DOSM Bersedia? (Sesi *knowledge sharing*)"

**21 - 22 JULAI** *Microsoft Excel* - tangkapan dan pembersihan data

**7 JULAI** Seminar Banci Malaysia 2020 - Statistik Kependudukan Memacu Kelestarian Malaysia

**21 - 22 JULAI** *Training Of Trainers*: Infografik dan Penceritaan 2020

**23 - 24 JULAI** Pengenalan kepada banci dan penyiasatan ekonomi (Secara webinar)

**25 - 27 OGOS** *Intermediate English Communication*

**25 - 26 OGOS** Asas pengurusan fail dan rekod

**28 - 30 SEPT.** Bengkel persediaan persaraan

**28 SEPT. - 24 DIS.** *Statistical Competencies Development Programme* (SCDP) 2020 - lantikan baru perangkawan gred E41

**9 NOV. - 11 DIS.** *Statistical Competencies Development Programme* (SCDP) 2020 -bagi lantikan baru perangkawan gred E29


KOLOKIUM PENYELIDIKAN 2020




THE VITAL OF ONLINE NEWS
7.7.2020
01
Social media and electronic media play a vital role as a main reference for publics to gather information.
02
The rapid development of electronic media provides organizations with the opportunity to measure perceptions more quickly and transparently by implementing mediums such as a dedicated portal for monitoring online media reporting.
03
Agarwal et al. (2016) identified that news mining based on sentiment analysis could be analysed and alkhwarizmi test can be use to classified news statements with positive or negative sentiments that could help the government in decision making process.
04
In order to monitoring online economic news is in line with official statistical released and at par with national policy, DOSM has embarked on a data project initiative known as Statistics
Public Maturity Assessment on Official Statistics (PMAOS) was developed to prov
holistic and comprehensive insight of perception developed by media.
www.dosm.gov.my
www.mycensus.gov.my




BANCI MALAYSIA










04 HINGGA 07 OGOS 2020
DEWAN SIGMA
INSTITUT LATIHAN STATISTIK MALAYSIA





# Pengiktirafan & Pencapaian Anggota DOSM

**Anugerah Darjah Kebesaran Bintang Dan Pingat 2020:**

1. Pengurniaan pingat kebesaran negeri melibatkan seramai **3 orang** anggota DOSM Kelantan pada **4 April 2020** iaitu :

- **Pengurniaan Pingat Bakti –** Wan Adnan bin Wan Isa
- **Pengurniaan Pingat Perangai Baik (PPB) –** Sumariadi bin Che Mohd Zin
- **Pengurniaan Pingat Taat (PT) –** Sutrah binti Yaacob

# Sesi Lawatan Rasmi Ketua Perangkawan Malaysia

## Lawatan Rasmi Ketua Perangkawan Malaysia ke Ibu Pejabat

**Sesi *Walkabout* Ketua Perangkawan Malaysia Ke Bahagian-Bahagian DOSM Ibu Pejabat**

Pada **7 Januari 2020**, YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd. Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia telah melaksanakan **Sesi *Walkabout* ke semua Bahagian di Ibu Pejabat DOSM** termasuk di Wisma Minlon dan MBLS. Tujuan Sesi *Walkabout* ini diadakan adalah untuk merapatkan lagi hubungan silaturrahim antara Ketua Perangkawan bersama warga DOSM dan bersempena Tahun Baru 2020.



# Lawatan Rasmi Ketua Perangkawan Malaysia ke ILMIA dan DOSM Negeri

YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia telah mengadakan lawatan kerja ke DOSM Negeri dan Pejabat Operasi (PO) di negeri sepanjang tahun 2020. Tujuan lawatan ini diadakan adalah untuk melihat perkembangan kerja, berbincang mengenai aktiviti kerja survei dan menyampaikan amanat kepada warga DOSM di samping dapat beramah mesra dengan warga DOSM Negeri.

Jadual Lawatan Rasmi ke DOSM Negeri 2020:

ILMIA

2 JUN 2020
ILMIA

13 JULAI 2020
DOSM Pahang

17 JULAI 2020
DOSM Sabah

27 OGOS 2020
DOSM Kedah

27 OGOS 2020
DOSM Perlis

11 HINGGA 13 SEPT. 2020
DOSM Kelantan

4 SEPT. 2020
DOSM Terengganu

22 SEPT. 2020
DOSM Perlis

*6th China ASEAN Forum*

**27 November 2020**





# MODENISASI DAN INOVASI STATISTIK


*Sustainable Development Goals (SDG) Monitoring Dashboard* 68

Projek *Statistics Big Data Analytics* (StatsBDA) 69

Portal Banci dan *Stats Geoportal* 70

Aplikasi Mudah Alih (*Mobile Apps*) 71

*My Local Stats Versi II* 72

MyIPCS 73

*StatsDigital* 73

STATSDW 2.0 74

*METS Online* 75

*CPI Calculator* 76

Projek Data Raya Sektor Awam 2.0: *Agricultural Analytical System* 77

Projek *Statistical Big Data Analytics (STATSBDA)* 77

Projek Kerjasama Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dan Agensi Angkasa Malaysia (MYSA): Sistem Maklumat Geospatial 78

Pembangunan Sistem Analitik Maklumat Pasaran Buruh (LMIAP) 79

*Big Data Analytics (BDA) Use Case* 80

# Sustainable Development Goals (SDG) Monitoring Dashboard

Pembangunan *Sustainable Development Goals (SDG) Monitoring System* ini merupakan satu inovasi dalam **menyediakan infrastruktur teknologi bagi penyusunan pelbagai jenis data daripada pelbagai sumber yang berkaitan dengan komitmen dan sumbangan kepada SDG 2030**.

*The National SDG Progress Monitoring System* ini menjadi *One Stop Centre* untuk komunikasi maklumat mengenai petunjuk SDG dan menyediakan infrastruktur teknologi yang diperlukan bagi penyusunan pelbagai jenis sumber data.

SDG *Dashboard* ini mengandungi **81 indikator** statistik yang dipaparkan dalam bentuk Carta dan Geospatial yang interaktif. Ia juga merupakan satu inisiatif untuk mempromosikan dan seterusnya meningkatkan literasi berkaitan SDG.



# Projek *Statistics Big Data Analytics* (StatsBDA)







Projek StatsBDA DOSM adalah satu **platform pemodenisasian statistik rasmi negara bagi memenuhi hasrat Kerajaan ke arah pelaksanaan *Digital Government* dalam meningkatkan nilai perkhidmatan awam menerusi *Big Data Analytics* (BDA)**. Teknologi dan aplikasi Big Data Analitik berpotensi untuk memodenisasikan pengeluaran statistik dan maklumat yang berkualiti serta reliable seiring dengan keperluan agenda transformasi negara.

Projek STATSBDA ini merangkumi **3 modul** iaitu ***Trade by Enteprise Characteristics* (TEC), *Price Intelligence* (PI) dan *Public Maturity on Official Statistics* (PMAOS)**. Modul TEC merupakan integrasi di antara dua sumber data yang bersaiz besar iaitu data eksport import daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia dengan Malaysia Statistical Business Register. Manakala, modul PI dan PMAOS bersumberkan data *online*. Modul PI merupakan modul yang menggunakan teknik *web crawling* untuk mendapatkan data harga barangan *online* dan modul PMAOS melibatkan analisis sentimen yang diperoleh daripada *Facebook* and *Twitter*.

# Portal Banci dan Stats Geoportal

Portal Banci dan *Stats Geoportal* merupakan ***one stop centre* bagi penyebaran maklumat pra, semasa dan pasca banci serta menyediakan platform pemantauan operasi**. Objektif Portal Banci dilancarkan adalah sebagai pusat rujukan dan maklumat berhubung dengan penyebaran maklumat dan aktiviti-aktiviti banci secara berstruktur, sistematik dan berterusan kepada orang awam, manakala Stats Geoportal adalah sebagai pusat rujukan dan makluman berhubung dengan data dan maklumat analisa banci di dalam bentuk spatial secara interaktif.

Kedua-dua portal ini membolehkan pengguna dapat mengakses dan menjana data dengan lebih berkesan. Ia juga turut memperkasa serta memperkukuhkan penyampaian maklumat data banci dan data geospatial bagi kegunaan semua pengguna.






# Aplikasi Mudah Alih *(Mobile Apps)*




Petunjuk utama mengenai Penduduk, Pengangguran, Perdagangan Luar Negeri, Indeks Harga Pengguna, Indeks Pengeluaran Perindustrian, Pembuatan dan Keluaran Dalam Negeri Kasar boleh didapati dengan akses melalui aplikasi mudah alih ini. Data tersedia pada frekuensi yang berbeza (contohnya bulanan, suku tahunan atau tahunan). Klik pada pautan ke portal untuk maklumat yang lebih terperinci.

Data yang dikemaskini berdasarkan Kalendar Keluaran Awalan. Setiap kali anda membuka aplikasi, data akan dikemaskini di peranti mudah alih anda untuk memaparkan maklumat statistik terkini. **Aplikasi mudah alih DOSM boleh didapati secara percuma pada peranti mudah alih Android dan IOS**.

BizCode@Stats adalah platform perkongsian aktiviti kod dan klasifikasi statistik keluaran Jabatan Perangkaan Malaysia yang dibangunkan berasaskan standard pengkelasan antarabangsa. BizCode@Stats dibangunkan untuk memudahkan pengguna untuk mendapatkan kod beserta keterangan secara interaktif dan mudah alih.



# My Local Stats Versi II

Bagi mengukuhkan lagi pelaksanaan inisiatif kerajaan digital dalam penyebaran statistik, DOSM telah membuat pembaharuan kepada visual interaktif *My Local Stats web* versi kedua pada tahun 2020. *My Local Stats web* versi kedua ini adalah aplikasi web yang **memaparkan statistik sehingga peringkat daerah pentadbiran dari penerbitan *My Local Stats***. *My Local Stats web* versi kedua juga telah ditambah baik dengan mengemaskini 17 bidang di mana sebelum ini hanya mempunyai empat bidang sahaja. **17 bidang** tersebut merangkumi:

1. Statistik Pertubuhan
2. Statistik Penduduk
3. Statistik Pendapatan Dan Perbelanjaan Isi Rumah
4. Statistik Maklumat Asas
5. Statistik Perumahan
6. Statistik Guna Tenaga
7. Statistik Pendidikan
8. Statistik Kesihatan
9. Statistik Perkhidmatan Kebajikan
10. Statistik Keselamatan Awam
11. Statistik Perhubungan Dan Rekreasi
12. Statistik Internet Dan Media Sosial
13. Statistik Kemudahan Asas
14. Statistik Keluaran Dalam Negeri Kasar
15. Statistik Indeks Harga Pengguna
16. Statistik Eksport Dan Import
17. Statistik Ekonomi

*My Local Stats web* versi kedua telah dilancarkan pada **29 Januari 2020** di Bilik Mawar, DOSM Putrajaya oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia. *My Local Stats web* versi kedua ini memudahkan pengguna untuk mengakses dan membuat carian mudah sosioekonomi hingga peringkat daerah pentadbiran sekali gus menyokong ke arah meningkatkan celik statistik dalam kalangan rakyat. Sehingga **16 April 2021**, seramai **17,844** pengguna telah menggunakan perkhidmatan dalam talian *MyLocal Stats.*

# MyIPCS

MyIPCS merupakan **kerangka kerja bersepadu yang meliputi semua aktiviti yang dilaksanakan dalam Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020**. MyIPCS bertujuan mewujudkan sistem banci berpusat dan menyeluruh yang menyediakan rangka kerja seragam dan bersepadu meliputi proses pra-pengumpulan data, pengumpulan, pemprosesan, analisis dan penyebaran produk statistik. MyIPCS merupakan inovasi terkini dalam pelaksanaan Banci 2020 bagi memastikan data banci dapat dihasilkan dengan lebih cepat bagi kegunaan perancangan dan pembangunan negara. Modenisasi sistem ini selaras dengan saranan oleh *United Nation (Principles and Recommendation for Population and Housing Censuses, Revision 3).*




# StatsDigital




Pendigitalan penerbitan Jabatan Perangkaan Malaysia merupakan suatu usaha yang dijalankan di bawah projek Modenisasi Pendigitalan Penerbitan Jabatan atau lebih dikenali sebagai *StatsDigital* yang telah bermula pada tahun 2017. Ia meliputi proses automasi bagi mengklasifikasikan penerbitan, pengimbasan penerbitan, penyuntingan imej, proses *Optical Character Recognition* (OCR), mengekstrak data dan penjanaan *e-book* untuk capaian dan rujukan Jabatan, agensi kerajaan, swasta dan orang awam. Sistem ini menjadi platform pusat sehenti penerbitan Jabatan bagi penerbitan yang sedia ada dan akan datang.

Selaras dengan itu, makmal pendigitalan dibina dan dilengkapi dengan mesin pengimbas berteknologi tinggi yang mampu mengimbas pelbagai jenis tulisan dan saiz selain perisian yang pelbagai bagi tujuan suntingan dan *data extraction*. Nilai tambah projek bukan hanya menghasilkan penerbitan dalam bentuk *e-book* tetapi juga data yang akan diekstrak daripada hasil imbasan, kemudiannya diterjemah dalam bentuk jadual (excel, csv) dan data set.

Bagi tahun 2020, sebanyak **746 penerbitan** dalam format *e-book*, **152 material penerbitan** dan **357 data set** telah dimuat naik di Portal Jabatan. Selain itu, empat *newsletter* berkenaan pengenalan, penyediaan bahan, pengurusan penerbitan dan pengurusan portal bagi statsdigital telah disediakan dan diterbitkan di Portal Jabatan.

# STATSDW 2.0

StatsDW merupakan ***Enterprise Data Warehouse*** (EDW) DOSM. Ia menyimpan data lampau seawal tahun 1974 daripada pelbagai banci dan survei yang dijalankan oleh DOSM. StatsDW ini membolehkan akses yang cepat dan mudah kepada data yang disimpan (contohnya: data siri masa) dan memudahkan akses yang lebih luas kepada pengguna mengikut keperluan pengguna dan tahap akses yang dibenarkan. Selain berfungsi sebagai storan data, ia juga menyediakan platform interaktif melalui edataBank, data *Visualisation* dan *Location Intelligence* di mana pengguna boleh meneroka dan menggunakannya secara terbuka.

Sesi *UBRS Walkthrough* bersama *Top Management* Projek StatsDW 2.0 telah diadakan pada **21 Oktober 2020** dan telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin bertempat di The Everly, Putrajaya. Sesi ini bertujuan untuk mendapatkan input bagi mambangunkan spesifikasi reka bentuk sistem yang akan menerangkan kemampuan sistem, reka bentuk, *process flow* dan interaksi antara modul secara terperinci untuk pembangunan sistem StatsDW® 2.0.




**eDataBank**

eDataBank merupakan bank data elektronik Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). Pengguna boleh menyusun jadual dan graf mereka sendiri dan mengeksport jadual ini dalam format fail yang berbeza. maklumat yang boleh diakses, dimuat turun dan dicetak.




**Data Visualisation**

Jabatan Perangkaan Malaysia secara tradisinya mempersembahkan data dalam pelbagai cara: dalam artikel, siaran akhbar, jadual, bank data, peta, carta bar, carta pai dan graf garis. Teknik visualisasi interaktif baru telah mula diperkenalkan pada tahun 2015, dengan Indeks Pengeluaran Perindustrian dan Piramid Penduduk sebagai contoh terbaik. Visualisasi seperti ini memberi gambaran yang lebih jelas mengenai bagaimana data penting dalam bidang tertentu berinteraksi.

# METS *Online*




Sistem METS Online Versi 3




Sistem METS Online Versi 3 Fasa II

Penambahbaikan sistem METS Online mengikut keperluan semasa telah dilaksanakan melalui pelancaran *Go Live METS Online* Versi 3 Fasa II di FB DOSM pada **4 Disember 2020**. Penambahbaikan sistem ini dibahagikan kepada **tiga (3)** kategori utama seperti berikut:



# CPI *Calculator*




Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah membangunkan Sistem Malaysia CPI *Inflation Calculator* yang berfungsi sebagai satu platform kepada pengguna untuk **mengira berapakah susut nilai wang pada masa tertentu** dan sekaligus menjadi salah satu **medium untuk melihat purchasing power pada tempoh masa tertentu.** Sistem ini menyediakan data perbandingan nilai wang bagi satu tempoh bulan pada tahun tertentu kepada satu tempoh bulan pada tahun yang lain mengikut keperluan perbandingan pengguna. Sistem ini akan melibatkan data Indeks Harga Pengguna **bermula tahun 1980** sehingga data tahun semasa.






# Projek Data Raya Sektor Awam 2.0: *Agricultural Analytical System*




*Agricultural Analytical System* merupakan satu inisiatif Jabatan di bawah projek Analitis Data Raya Sektor Awam (DRSA) 2.0 dianjurkan oleh pihak MAMPU dan dibangunkan bersama oleh BPPAS dan Core Team Analitik Data Raya, CTADR. Pembangunan sistem menggunakan platform perisian Tableau dan dijangka selesai pada Mei 2021.

Platform ini memaparkan statistik pertanian di Malaysia yang merangkumi **empat (4) produk pertanian utama iaitu kelapa sawit, getah, penternakan (ayam dan itik) dan perikanan (marin dan akuakultur)**. Platform ini diwujudkan bagi memudahkan pengguna mengakses dan seterusnya boleh dgunakan bagi tujuan analisis data pertanian negara. Selain itu, pihak jabatan akan memperluaskan skop produk pertanian yang lain pada masa hadapan.

# Projek *Statistical Big Data Analytics* (STATSBDA)

DOSM merupakan agensi kerajaan yang telah melaksanakan projek *Big Data* melalui STATSBDA. Projek STATSBDA ini bermula pada Disember 2016 dan pembangunannya telah selesai pada Mei 2018. Projek STATSBDA ini telah memasuki fasa penyelenggaraan yang bermula pada Disember 2020. Terdahulu, projek STATSBDA ini mempunyai **5 modul iaitu *Trade by Enterprise Characteristic* (TEC), *Price Intelligence* (PI), *Public Maturity Assessment on Official Statistics* (PMAOS), *Real Time Business Status* (RTBS), dan *BiZcode@StatS***. Terkini, terdapat tambahan satu modul baharu iaitu ***Mobile Apps***.

Pembangunan *Mobile Apps* dijalankan oleh pegawai DOSM selepas menghadiri kursus dan *coaching* daripada pihak pengajar. Hasil daripada pelaksanaan projek STATSBDA ini, DOSM telah menerima permohonan daripada pelbagai agensi untuk berkongsi mengenai modul STATSBDA yang telah dibangunkan. Perkara ini menunjukkan DOSM mampu menjadi pemangkin (*catalyst*) kepada pembangunan projek *Big Data* di sektor awam.

# Projek Kerjasama Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dan Agensi Angkasa Malaysia (MYSA): Sistem Maklumat Geospatial

DOSM merupakan agensi utama kerajaan yang diamanah dan dipertanggungjawab untuk memungut, mentafsir serta menyebar perangkaan yang bertepatan masa dan terkini untuk memantau prestasi ekonomi dan juga pembangunan sosial negara. Manakala, MYSA pula merupakan agensi angkasa kebangsaan Malaysia yang ditubuhkan bagi memastikan pembangunan dan pengurusan sektor angkasa negara lebih strategik, teratur dan komprehensif. Dengan kemajuan dan perkembangan teknologi berkaitan imej satelit daripada MYSA dapat memberi peluang dan potensi yang besar kepada DOSM dalam memodenisasi sistem statistik rasmi negara.

Justeru itu, DOSM dan MYSA telah memulakan kerjasama strategik dengan membangunkan Sistem Maklumat Geospatial yang bertujuan untuk membantu DOSM dalam **mengemaskini peta bagi Blok Penghitungan (BP)/ Unit Bangunan (UB) khususnya di kawasan pedalaman dengan menggunakan imej satelit daripada MYSA**. Projek kerjasama DOSM dan MYSA ini telah bermula dengan memfokuskan kepada kawasan pedalaman yang sukar diakses bagi **empat (4) negeri iaitu Perak, Kelantan, Pahang dan Terengganu**. Seterusnya, kawasan **Sabah dan Sarawak** secara berperingkat sehingga meliputi seluruh kawasan pedalaman.






# Pembangunan Sistem Analitik Maklumat Pasaran Buruh (LMIAP)

MBLS sedang dalam pembangunan sebuah sistem analitik pasaran buruh yang bersepadu dan menyeluruh dalam tempoh 12 bulan merangkumi semua fungsi MBLS yang boleh dicapai secara atas talian dan mudah alih bagi menjana maklumat analitik pasaran buruh negara yang merangkumi seperti berikut:

1. Mengintegrasi data pasaran buruh daripada semua kementerian dan agensi terlibat;
2. Membangunkan hub pasaran buruh komprehensif yang memberi maklumat penawaran dan permintaan buruh;
3. Menyediakan statistik pasaran buruh yang tepat dan relevan serta boleh dipercayai kepada penggubal dasar dan pemegang taruh untuk perancangan masa depan; dan
4. Menyediakan pengukuran kedudukan pasaran buruh, kajian perincian tentang tren dan keperluan tenaga buruh secara komprehensif dan holistik.

# Big Data Analytics (BDA) Use Case

**ILMIA** telah membangunkan **BDA *Use Case*** iaitu aplikasi pintar yang berteraskan ciri-ciri interaktif dan mesra pengguna dalam menambah nilai data perburuhan *Labour Market Information Data Warehouse* (LMIDW) bagi kegunaan perancangan, pembuatan keputusan dan panduan pelbagai lapisan pengguna.

i. BDA *Use Case 1 Job Market Insights* bertujuan untuk memberikan imbasan kekosongan pekerjaan yang dikelaskan mengikut industri, kemahiran, tahap akademik, bidang pengajian dan negeri.

ii. BDA *Use Case 2 National Occupational Accident* pula memaparkan maklumat indeks kemalangan industri yang diperincikan mengikut jenis kecederaan, jenis kecederaan, industri, dan negeri. Maklumat ini amat berguna bagi tujuan perancangan penguatkuasaan yang lebih berfokus dan pembangunan modul kursus keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.

iii. BDA *Use Case 3 My Job Profile* memprofilkan pekerjaan pada peringkat MASCO 4 digit mengikut jumlah kekosongan semasa, keperluan kemahiran, gaji yang ditawarkan dan senarai institusi pendidikan yang menawarkan kursus berkaitan pekerjaan yang dipilih. Elemen interaktif dan penggunaan visualisasi yang menarik dan mudah difahami dapat membantu pemegang taruh merancang aktiviti berkaitan pembangunan kerjaya dan pembangunan kemahiran yang diperlukan industri.












**Majlis Pelancaran Laporan Indikator Matlamat Pembangunan Mampan 2019**
**10 Disember 2020**

# Wawancara Radio BERNAMA
# 24 September 2020






# KOMUNIKASI STATISTIK

Medium Penyebaran Statistik 84

DOSM@Media Cetak, Media Elektronik dan Media 85

# Medium Penyebaran Statistik

DOSM menggunakan pelbagai **medium komunikasi** untuk menyebarkan statistik rasmi negara kepada masyarakat umum. Antaranya, mengeluarkan penerbitan dalam bentuk hardcopy (penerbitan bercetak) dan muat turun percuma melalui eStatistik yang terdapat dalam portal DOSM, penggunaan media sosial iaitu **Facebook, Twitter, Instagram dan Youtube (@StatsMalaysia) dan aplikasi mudah alih (MyLocal Stats dan Bizcode@Stats).**

- **Penerbitan** (Data Bulanan, Suku Tahunan, Tahunan, Ad Hoc/Lain-Lain)
- **Portal** (www.dosm.gov.my, eStatistik)
- **Media Sosial** (*@StatsMalaysia, @MyCensus*)
- **E-mel** (info@dosm.gov.my, data@dosm.gov.my)
- **Aplikasi Mudah Alih** (MyLocalStats, Bizcode@Stats)

Selain itu, masyarakat umum boleh memperoleh indikator utama ekonomi, penduduk dan sosial melalui perkhidmatan Whatsapp dan e-mel kepada beberapa kumpulan sasaran seperti Menteri, Timbalan Menteri, Ketua Setiausaha, Timbalan Ketua Setiausaha, Timbalan Ketua Jabatan, duta-duta, Kesatuan Sekerja serta kepada pengetua sekolah seluruh Negara.









# DOSM@Media Cetak, Media Elektronik dan Media

## DOSM @ Media Cetak dan Elektronik

Sepanjang tahun 2020, DOSM telah mengeluarkan **256** kenyataan akhbar berkaitan dengan aktiviti yang dijalankan dan produk Jabatan pada Tarikh siaran data. Kenyataan akhbar tersebut telah diedarkan kepada semua media tempatan dan antarabangsa. Dalam tempoh tersebut **2545** artikel berkaitan DOSM telah disiarkan oleh akhbar bercetak dan atas talian.

### Liputan DOSM dalam Media sepanjang tahun 2020.

| Bulan | Media Cetak | Media Elektronik | Jumlah |
|---|---|---|---|
| Januari | 47 | 1 | 48 |
| Februari | 107 | 12 | 119 |
| Mac | 100 | 0 | 100 |
| April | 254 | 3 | 257 |
| Mei | 276 | 0 | 276 |
| Jun | 272 | 4 | 276 |
| Julai | 415 | 6 | 421 |
| Ogos | 171 | 0 | 171 |
| September | 18 | 1 | 19 |
| Oktober | 185 | 6 | 185 |
| November | 238 | 4 | 238 |
| Disember | 259 | 3 | 259 |
| JUMLAH | 2505 | 40 | 2545 |

# Elektronik dan Media Sosial

Komunikasi Strategik menjadi alat pengukuran yang penting dalam pengukuhan citra DOSM dan penyampaian secara komprehensif. Justeru, penggunaan teknologi digital dan media sosial menjadi wahana yang kritikal dalam membentuk pendekatan komunikasi semasa yang menepati situasi dan kumpulan sasaran masa kini.

Sehingga Disember 2020, DOSM mempunyai jumlah pengikut berdasarkan aplikasi media sosial seperti: **Facebook (22,947), Twitter (4,079) dan Instagram (3,241)**. Facebook merupakan jaringan sosial yang paling popular sepanjang tahun 2020, dengan lebih **3,046 posting**, jumlah LIKE Facebook rasmi DOSM telah meningkat kepada **22,204** berbanding **22,204** yang direkodkan pada tahun **2019**.

Realiti hari ini menampakkan ledakan media sosial dan rangkaian teknologi banyak mempengaruhi landskap komunikasi dan penyampaian maklumat. Justeru itu, kita perlu memanfaatkan kelebihan media sosial untuk meraih maklum balas dan mendapatkan idea baharu dan relevan dengan perkembangan masa kini. Melalui media sosial, kita banyak berkongsi maklumat yang informatif dan terkini, menyampaikan dan menyebarkan penerbitan statistik serta meluaskan penyebaran ilmu untuk manfaat masyarakat. Justeru, media sosial dan rangkaian teknologi aplikasi seumpama ini mestilah menjadi instrument dan wahana DOSM untuk mencerna informasi atau mendengar cadangan yang amat berguna bagi penambahbaikan secara berterusan, dan sekali gus menjadikan DOSM terus kekal relevan di peringkat nasional dan antarabangsa.









# Aplikasi Atas Talian

Domain Portal Rasmi DOSM boleh dilayari melalui www.dosm.gov.my. Sehingga Disember 2020, portal ini telah dikunjungi lebih daripada **120 juta** pelawat. Portal yang dilengkapi dengan pelbagai aplikasi dalam talian ini memdudahkan capaian statistik oleh pengguna.




**2,431,961** transaksi eStatistik (*login*) dengan 1,924,422 transaksi muat turun percuma penerbitan DOSM (termasuk permintaan data).




**56,874 transaksi Perangkaan Perdagangan Luar Negeri Malaysia Dalam Talian (METS Dalam Talian)**




Statistik perdagangan luar negeri (barangan) antara Malaysia dengan negara lain.

**24,512 transaksi *Malaysia Informative Data Centre* (MysIDC)**



### 13,566 transaksi MalaysianInfo

Matlamat Pembangunan Milenium (MDG), Statistik Sosial, Statistik Kanak-kanak dan Gender Info.

### 63,957 transaksi Population Quick Info




Siri masa data penduduk mengikut negeri, kumpulan, etnik, umur dan jantina.

### 7,045 transaksi STATS Geoportal




Informasi mengikut tema data penduduk, demografi sosial, dan ekonomi di pelbagai peringkat geografi.

### 51,266 transaksi Sistem Carian MSIC (eMSIC) 2008

Carian kod industri MSIC 2008 Ver 1.0.

### 812 transaksi StatsDW

Selain berfungsi sebagai storan data, ia juga menyediakan platform interaktif melalui eDataBank, Data Visualisation dan Location Intelligence di mana pengguna boleh meneroka dan menggunakannya secara bebas.

### 132,658 transaksi MyLocal Stats



# *Stats Alert* 2020

" Bagi tujuan literasi statistik dalam bentuk yang lebih mudah difahami umum dan dekat di hati pengguna, sepanjang tahun 2020, DOSM juga telah menerbitkan sebanyak **222 *Stats Alert*** iaitu statistik dalam bentuk infografik dengan purata sebanyak **18 *Stats Alert*** sebulan."

Ini termasuk juga hebahan penerbitan pada setiap keluaran kepada lebih **5,000 penerima** iaitu melalui e-mel terdiri daripada Menteri, Timbalan Menteri, Ketua Setiausaha Kementerian, Ketua Jabatan Persekutuan dan Negeri, Kedutaan Malaysia di luar Negara, Badan-Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan, guru besar dan lain-lain lagi. (*Stats Alert* merupakan ringkasan utama , maklumat penting, ringkasan hasil penemuan dan infografik yang lebih mudah difahami pengguna).






# PocketStats 2020

Idea Pengeluaran Buku PocketStats ini terhasil semasa Mesyuarat Pembentangan KDNK Suku Ketiga Tahun 2018 kepada YBhg. Datuk Seri Dr. Ketua Setiausaha Negara pada 14 November 2018 di mana DOSM telah diminta untuk menyedia dan membekalkan Laporan Kemajuan dan Prestasi Ekonomi Malaysia bagi setiap suku tahun kepada semua ahli Jemaah Menteri.







Justeru itu, PocketStats Siri 1 (Suku Ketiga 2018) telah dikeluarkan pada 16 November dan PocketStats Siri 2 (Tahun 2018) diterbitkan pada 31 Disember 2018. Isi Kandungan PocketStats adalah:

i. Indikator Utama;
ii. Indikator Sosial;
iii. Indikator Ekonomi;
iv. Indikator Lain;
v. Infografik Negeri; dan
vi. Indikator Mengikut Negara Terpilih

# Newsletter

Sepanjang 2020, sebanyak **97 *newsletter*** berkaitan overview produk dan penerbitan Jabatan telah dikeluarkan secara atas talian. *Newsletter* ini memuatkan maklumat ringkasan dan pengetahuan am bagi produk dan penerbitan terpilih termasuk teknologi dan modul yang telah dibangunkan oleh Bahagian Butiran Perkara dan DOSM Negeri di Jabatan Perangkaan Malaysia. Antara terbitan *Newsletter* adalah berkaitan dengan:









# Memorandum Persefahaman (MoU)

**Dua (2) Memorandum Persefahaman (MoU)** telah dimeterai pada tahun ini. Agensi tersebut adalah **SME Bank dan SESRIC.** Jalinan Kerjasama ini dilihat dapat meningkatkan dan mengukuhkan lagi kerjasama strategik dalam pelbagai bidang yang memberi manfaat kepada kedua-dua pihak serta negara.

## MoU DOSM dan SME Bank (26 Jun 2020)







## MoU DOSM dan SESRIC (5 Mac 2020)






# Kunjungan Hormat dan Muhibah

DOSM juga telah menerima kunjungan hormat daripada pelbagai agensi kerajaan, swasta, universiti serta agensi antarabangsa dan delegasi. Selain itu, lawatan muhibah juga diadakan ke agensi dan organisasi luar. Tujuan program ini diadakan adalah untuk mengeratkan hubungan kerjasama dengan agensi yang terlibat.

**2 Jan 2020**
Presiden Yayasan KRU

**8 Jan 2020**
Pengerusi, Jawatankuasa Khas Pembaikan Sistem dan Undang-Undang Pilihan Raya Malaysia (ERC)

**9 Jan 2020**
*Sunway University's Jeffrey Sachs Center on Sustainable Development (JSC) and the Coalition for Clean and Fair Elections* (BERSIH 2.0)

**10 Jan 2020**
Integrasi Erat Sdn. Bhd (IESB)

**22 Jan 2020**
Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)

**28 Jan 2020**
United Nations Children's Fund (UNICEF) Malaysia

**6 Feb 2020**
Persatuan Institusi Tahfiz Al-Quran Kebangsaan (PINTA)

**13 Feb 2020**
Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM)

**17 Feb 2020**
Institut Masa Depan Malaysia (MASA)

**19 Feb 2020**
Timbalan Menteri Pertahanan, Kementerian Pertahanan Malaysia

**12 Mac 2020**
Ketua Pegawai Eksekutif Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU)

**14 Mei 2020**
Ketua Setiausaha, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

**19 Mei 2020**
Setiausaha Sulit Kanan Menteri Kerja Raya, Kementerian Kerja Raya

**21 Mei 2020**
IPSOS SDN. BHD.

**1 Jun 2020**
Timbalan Menteri Kewangan II, Kementerian Kewangan Malaysia

**18 Jun 2020**
Yayasan Pembangunan Usahawan Terengganu

**1 Julai 2020**
Malaysia Productivity Corporation

**9 Julai 2020**
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia

**9 Julai 2020**
Unit Pelaksanaan dan Koordinasi Stimulus Ekonomi Antara Agensi Nasional (LAKSANA), Kementerian Kewangan Malaysia

**9 Julai 2020**
Kementerian Belia dan Sukan

**21 Ogos 2020**
Ketua Pengarah Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia

**8 Sept 2020**
Ketua Eksekutif, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)

**10 Sept 2020**
Lawatan Kerja Rasmi YB Menteri

**14 Sept 2020**
Ketua Pengarah, Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional (NFCC)

**17 Sept 2020**
Ketua Pegawai Eksekutif, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)

**23 Sept 2020**
Majlis Perundingan Melayu

**24 Sept 2020**
Yang Dipertua Dewan Rakyat

**22 Okt 2020**
YB Menteri, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

**23 Dis 2020**
China Construction Bank Malaysia (CCBM)

**31 Dis 2020**
Humanology Sdn. Bhd.










BANCI MALAYSIA
PENGERUSI






#MyCensus2020


JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

## Virtual Meeting Uzbekistan and Malaysia
## 10 Ogos 2020





# KE ARAH ORGANISASI STATISTIK TERBILANG DI DUNIA


| | |
|---|---|
| Jalinan Kerjasama Antarabangsa | 96 |
| Pengiktirafan di Peringkat Antarabangsa | 97 |
| Penglibatan DOSM diperingkat Antarabangsa mengikut Program | 98 |
| Sumbangan DOSM pada di Peringkat Antarabangsa | 100 |
| Inisiatif DOSM dalam Mempromosikan MyCensus 2020 kepada Kedutaan dan Suruhanjaya Tinggi Negara | 102 |

# Jalinan Kerjasama Antarabangsa

Sebagai agensi peneraju dalam menyampaikan statistik rasmi yang menjadi nadi penting dalam pembangunan negara, DOSM sentiasa berusaha memperkukuhkan hubungan dengan badan statistik serantau dan antarabangsa untuk memanfaatkan kelebihan dan memastikan keberkesanan sistem komunikasi data negara menepati keperluan semasa serta mengaplikasikan *best practices* yang disyor dan diamalkan di peringkat antarabangsa.

Bagi meningkatkan penyelarasan dan menggalakkan penyediaan perkhidmatan statistik yang sistematik, DOSM secara aktif menyertai mesyuarat Suruhanjaya/kumpulan pakar/kumpulan kerja dan program pembelajaran yang dianjurkan di peringkat antarabangsa terutamanya mesyuarat tertinggi statistik anjuran *Association of South East Asian Nation* (ASEAN), *United Nations Statistics Division* (UNSD), *United Nations Economic and Social Commission for Asia and the Pacific* (UNESCAP), *The Statistical, Economic and Social Research and Training Centre for Islamic Countries* (SESRIC), *United Nations Development Programme* (UNDP), *United Nations Statistical Institute for Asia and the Pacific* (UNSIAP), dan komuniti statistik antarabangsa iaitu *International Statistical Institute* (ISI) dan *International Association of Official Statistics* (IAOS).

# Pengiktirafan di Peringkat Antarabangsa

Selaras dengan komitmen dan sumbangan aktif DOSM dalam program anjuran organisasi antarabangsa, DOSM telah diberi mandat bagi meanggotai kumpulan pakar di peringkat antarabangsa. Antara pengiktirafan yang telah diterima pada tahun 2020 adalah:

## Chairman

i. *Bureau of the ESCAP Committee on Statistics, 2018-2020;* dan

ii. *Working Group International Merchandise Trade Statistics (WGIMTS), 2018-2020;*

## Vice-chairman

i. *Bureau of the ESCAP Committee on Statistics, 2020-2022;*

ii. *Regional Steering Group (RSG) for Civil Registration and Vital Statistics (CRVS) in Asia and the Pacific, 2019-2024;* dan

iii. *Working Group (WG) on the Development of New Strategic Vision of OIC-StatCom, 2018-2020;*

## Members/Expert Group

i. *Executive Committee (EXCO) International Association of Official Statistics (IAOS), 2019-2021;*

ii. *Working Group on Open Data, 2020–2024;*

iii. *Inter-Agency and Expert Group on Sustainable Development Goal Indicators (IAEG-SDGs), 2019-2021;*

iv. *Inter-Agency and Expert Group (IAEG) on Disaster-related Statistics, 2020;*

v. *Statistical Advisory Panel for 2020 Human Development Report (HDR), 2020;*

vi. *Inter secretariat Working Group on National Accounts/ Committee on Balance of Payments Statistics Joint Task Team on Islamic Finance, 2020;*

vii. *Inter secretariat Working Group on Household Surveys (ISWGHS), 2020;*

viii. *Regional Advisory Board (RAB) for the 2020 ICP for Asia and the Pacific, 2020;*

ix. *Global Ocean Accounts Partnership for Sustainable Development (GOAP), 2020*

x. *Data Integration Community of Practice (DI-CoP), 2020;* dan

xi. *Ad hoc Advisory Group for the CRVS Consultation with Children on Youth.*

# Penglibatan DOSM diperingkat Antarabangsa mengikut Program

Sepanjang tahun 2020 DOSM telah menghadiri **115 program** antarabangsa yang melibatkan seramai **1,297 orang** peserta.

**Jumlah Program & Penyertaan di Peringkat Antarabangsa**

| | 2020 | 2019 |
|---|---|---|
| Jumlah Program | 115 | 79 |
| Jumlah Peserta | 1297 | 112 |

| Penglibatan Antarabangsa Mengikut Program 2020 | | |
|---|---|---|
| Kategori Program | Bilangan Program | Bilangan Peserta |
| Kursus / Bengkel / Latihan (Fizikal) | 2 | 5 |
| Kursus / Bengkel / Latihan (Virtual) | 12 | 61 |
| Mesyuarat Kumpulan Pakar (Fizikal) | 1 | 2 |
| Mesyuarat Kumpulan Pakar (Virtual) | 10 | 34 |
| Mesyuarat Suruhanjaya (Fizikal) | 1 | 2 |
| Mesyuarat Suruhanjaya (Virtual) | 5 | 58 |
| Seminar/ Forum/ Persidangan (Fizikal) | 3 | 4 |
| Seminar/ Forum/ Persidangan (Virtual) | 67 | 1088 |
| Kunjungan Hormat (Virtual) | 1 | 1 |
| Pengajar / Fasilitator (Virtual) | 1 | 2 |
| Lawatan Belajar (Virtual) | 1 | 6 |
| Mesyuarat Kumpulan Kerja (Virtual) | 11 | 34 |
| **JUMLAH** | **115** | **1297** |

# Tema Program

## TEMA PROGRAM TAHUN 2020

### 01 ECONOMY

- *Account*
- *Economic*
- *Finance*
- *Informal Sector*
- *Infrastructure/ Construction*
- *Investment*
- *Labour*
- *SDMX*
- *Trade*

### 02 STATISTICAL COMMUNICATIONS

- *Big Data*
- *Capacity Building*
- *Data Integration*
- *Dissemination Statistical*
- *Economy Social*
- *Fundamental*
- *Governance*
- *ICT*
- *IDC*
- *Integration*
- *Modernisation*
- *Open Data*
- *Transformation Plan*

### 03 SOCIAL

- *Agriculture*
- *CRVS*
- *Disaster*
- *Environmental*
- *Ecosystem*
- *Gender*
- *Household*
- *Ocean*
- *Population*
- *Poverty*
- *Prices*
- *SDGs*

# Sumbangan DOSM pada di Peringkat Antarabangsa

## *Sumbangan DOSM sebagai Speaker / Facililator / Moderator / Panelist*

2020 *Asia-Pacific Statistics Week* (APS) - "*A decade of action for the 2030 Agenda: Statistics that leave no one and nowhere behind*"

**15 - 18** Jun 2020

*Asia-Pacific Stats Café Series: Asia and the Pacific CRVS Systems' Responses to the Covid-19 Crisis*

**22** Jun 2020

*Asia-Pacific Stats Café Series session on Accounting for Integrated Statistics and Analysis*

**10** Ogos 2020

*Asia Pacific Stats Café Series: 50 years of Statistical Capacity Building by UN Statistical Institute for Asia and the Pacific (SIAP): Perspectives from Alumni Chief Statisticians"*

**24** Ogos 2020

*6th International Conference on Big Data for official statistics*

**1** September 2020

*Webinar 'Unpacking Malaysia's New Poverty Line Income and MPI Findings'*

**23** September 2020

*2020 International Day for the Eradication of Poverty Forum (IDEP 2020)*

**26** Oktober 2020

*Statistical Capacity Building (STATCAB) Programme-Statistical Training Course on 'Banking, Insurance and Financial Statistics*

**17 – 19** November 2020

*6th China ASEAN Forum*

**27** November 2020

*Asia-Pacific Stats Café on Improving economic indicators with big data*

**30** November 2020

*6th Meeting of Network of Statistical Training in Asia and the Pacific*

**2** Disember 2020

*Fifteenth Management Seminar (Webinar) for the Head of National Statistical Officer in Asia and The Pacific – National Statistical System: Responding to the COVID-19 Crisis and Building Better for the Future*

**3 – 4** Disember 2020

*Virtual Study Visit from the State Committee of the Republic Of Uzbekistan on Statistics – "Business Registers And Business Statistics"*

**16 – 17** Disember 2020


2020 Asia-Pacific Statistics Week
#apstatsweek2020


Meeting chat










Virtual Event 15-18 June 2020
2020 Asia-Pacific Statistics Week
Leaving no one and nowhere behind
Developing Malaysia Business Cycle Clock (MBCC) for A Better Insights on Economic Cycle
Action Area C. SC5
"It is worth investing in integrated statistics for integrated analysis".
Presenter:
Siti Nuraini Rusli
Assistant Director
Department of Statistics Malaysia
#apstatsweek2020


Unpacking Malaysia's New Poverty Line Income (PLI) and MPI Findings
23 September 2020
UNDP




6th International Conference on Big Data for Official Statistics









# Inisiatif DOSM dalam Mempromosikan MyCensus 2020 kepada Kedutaan dan Suruhanjaya Tinggi Negara

## *Engagement Session With Embassies and High Commissions in Malaysia for Malaysia Population and housing Census 2020 (MyCensus2020)*

Bagi memberi gambaran keseluruhan MyCensus 2020 dalam memastikan semua penduduk, termasuk warga asing yang menetap di Malaysia dikira dalam banci dan menggalakkan pengisian soal selidik dalam talian (e-Census), satu sesi libat urus bersama pihak Kedutaan dan Suruhanjaya Tinggi telah diadakan 3 September 2020 (Khamis) di Manhattan Ballroom, Level 14, Berjaya Times Square Hotel. Sesi tersebut telah dihadiri oleh 61 wakil daripada kedutaan, Suruhanjaya Tinggi dan pihak Media.











## *Statistics Bloom in Harmony*




Lagu khas berjudul ***"Statistics Bloom in Harmony"*** dengan klip video antarabangsa yang menonjolkan aspek statistik dan Agenda 2030 telah dilancarkan pada **6 Januari 2020**. DOSM telah mengubah lirik yang menekankan kepentingan statistik ke arah negara maju di peringkat serantau dan global. Promosi penggunaan klip video tersebut secara meluas telah dilaksanakan dalam kalangan komuniti statistik global untuk tujuan literasi statistik dan memperkukuhkan hubungan di peringkat antarabangsa.

## Pelancaran Prosiding (14 Jilid, 728 Kertas Kerja) *ISI World Statisics Congress (WSC)* kali ke-62







*62nd ISI World Statistics Congress* (ISI WSC) telah diadakan pada 18-23 Ogos 2019 di Kuala Lumpur, Malaysia. Sebagai penutupan penganjuran Kongres tersebut sebagai tuan rumah, DOSM telah menganjurkan Majlis Pelancaran Prosiding ISI WSC pada **21 Februari 2020**. Sebanyak empat belas (14) jilid prosiding yang terdiri daripada 728 kertas kerja telah diterbitkan dengan persetujuan daripada setiap pengarang kertas Kongres tersebut. Ini merangkumi penyusunan kertas penyelidikan dalam pelbagai topik yang dibentangkan semasa kongres dalam *Invited Paper Sessions* (IPS), *Special Topic Session* (STS) dan *Contributor Paper Sessions* (CPS) oleh penyelidik dari seluruh dunia mewakili negara maju dan membangun. 14 Jilid prosiding telah diserahkan kepada Presiden ISI pada 4 Mac 2020 dan diletakkan di Perpustakaan UN Dag Hammarskjöld sebagai sumber rujukan untuk komuniti statistik global.



# 50th Year Anniversary of UN Statistical Institute for Asia and the Pacific (SIAP) in Asia Pacific region

UN SIAP adalah pusat latihan statistik profesional yang membantu dalam memperkasakan modal insan melalui penganjuran pelbagai program latihan bagi negara-negara rantau Asia Pasifik.

Sebagai penghargaan kepada UNSIAP di atas sumbangan kepakaran yang telah disumbangkan melalui program pembelanjaran pembangunan kapasiti, DOSM telah menyediakan video ucapan penghargaan daripada Ketua Perangkawan Malaysia sempena sambutan *50th Anniversary* of UNSIAP.









## *Videografik & Infografik the 10th Session of the ASEAN Community Statistical System (ACSS) Committee, 8 -10 Disember 2020*

Malaysia telah berkongsi pengalaman dalam bentuk videografik dan infografik semasa mesyuarat tahunan ACSS yang telah diadakan pada **8 hingga 10 Disember 2020** secara maya, sebagai salah satu inisiatif dalam pengukuhan hubungan kerjasama statistik di peringkat ASEAN.








# Penyerahan Bas Baru DOSM
# 27 November 2020




# WORK LIFE BALANCE

FitDOSM 108

Sesi Kecergasan Eksekutif DOSM 109

Majlis Sambutan Hari Raya 2020 111

# FitDOSM

Pelancaran program ***#DOSMBiggestLoser*** dengan penyertaan peserta seramai **51 orang** anggota DOSM oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia.












# Sesi Kecergasan Eksekutif DOSM

Sesi Kecergasan Eksekutif DOSM atau ringkasnya SKED telah dilancarkan oleh Ketua Perangkawan Malaysia YBhg Dato' Sri Dr. Uzir bin Mahidin pada **4 Disember 2020** bertempat di Jabatan Perangkaan Malaysia. SKED merupakan satu **program khusus bagi menggalakkan semua anggota DOSM (Gred 48 dan ke atas) agar sentiasa mengamalkan gaya hidup yang sihat. Antara pengisian program itu adalah mengadakan pelbagai aktiviti kecergasan** (senaman, *briswalking*, larian, kayuhan, renang, dll.) dan ceramah kesihatan dan pemakan sihat. Platform yang disediakan ini juga diharap dapat membantu semua warga DOSM membentuk budaya untuk terus kekal cergas & sihat dan seterusnya membantu menghasilkan output kerja DOSM yang berkualiti.








# DOSM *VIRTUAL RUN, RIDE & SWIM*

*DOSM VIRTUAL RUN, RIDE & SWIM* merupakan aktiviti yang dilaksanakan sempena sambutan Hari Statistik Sedunia yang disambut pada **20 Oktober 2020**.




# MAJLIS *KICK OFF MYCENSUS WORLD STATS RUN VIRTUAL EDITION* 2021




Majlis ini dianjurkan untuk meningkatkan jalinan kerjasama masyarakat dalam memberi kesedaran tentang kepentingan statistik di samping mempromosi fungsi dan peranan statistik dalam pembangunan negara pada masa hadapan.

# Majlis Sambutan Hari Raya 2020

Takbir Raya 2020 yang diketuai oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Uzir bin Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia bertempat di Jabatan Perangkaan Malaysia telah dilaksanakan pada **23 Mei 2020** sempena Hari Raya Aidilfitri 1442H.




Video Takbir Raya 2020:

**e-Census bersama dengan Dr. Zulkifli Bin Mohamad Al-Bakri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)**
**29 September 2020**





# CABARAN DAN ASPIRASI 2020


| | |
|---|---|
| Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 | 114 |
| Kajian Separuh Penggal RMKe-12 | 115 |
| *Sustainable Development Goals* | 116 |
| Revolusi Perindustrian Keempat | 117 |

# Wawasan Kemakmuran Bersama 2030




Seiring dengan *Sustainable Development Goals* (SDG's) 2019 dan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 yang telah dilancarkan oleh Kerajaan, DOSM perlu memastikan statistik yang dibekalkan adalah tepat dan reliable bagi mencapai matlamat kerajaan dalam WKB 2030. Matlamat ini juga selaras dengan Agenda Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals*) pada tahun 2030 yang diperkenalkan oleh *United Nations*. Seluruh anggota DOSM telah bersedia untuk melangkah ke tahun 2020 dengan lebih bersemangat bagi merealisasikan visi dan misi DOSM yang seterusnya. Matlamat ini hanya dapat dicapai melalui kecekalan, dedikasi dan kerjasama dari semua anggota. Justeru, besarlah harapan saya supaya semua anggota DOSM terus mengekalkan budaya kerja yang cemerlang bagi bergerak seiring dengan kerajaan untuk mencapai **Wawasan Kemakmuran Bersama** pada tahun 2030.

# Kajian Separuh Penggal RMKe-12

*UNTUK SIARAN SEGERA*

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

**KENYATAAN MEDIA**

**RMKe-12 AKAN DIBENTANG DI DEWAN RAKYAT DALAM SESI MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KE-14**

Kerajaan akan membentangkan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) 2021-2025 di Dewan Rakyat dalam sesi Mesyuarat Pertama, Penggal Keempat, Parlimen Keempat Belas yang dijadualkan pada Mac 2021.

Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE,JPM) kini dalam proses memuktamadkan dokumen RMKe-12. Semua strategi dan inisiatif RMKe-12 dijajar dengan Wawasan Kemakmuran Besama (WKB) 2030 dan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG).

Sesi libat urus secara meluas telah diadakan dalam tempoh 18 bulan lalu bagi memastikan "tiada sesiapa yang tertinggal" dalam penggubalan dan pelaksanaan pelan pembangunan negara ini.

Maklum balas dan pandangan dari pelbagai pihak berkepentingan telah diambil kira termasuk sektor awam dan swasta, pakar industri, akademik, pemimpin masyarakat, badan bukan kerajaan, organisasi antarabangsa, Jemaah Menteri, ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara, serta masyarakat umum melalui pelbagai saluran termasuk libat urus dalam talian.

RMKe-12 akan memberi tumpuan kepada usaha-usaha memantapkan ekonomi negara dan memastikan kehidupan yang wajar untuk rakyat, selaras dengan prinsip "Prihatin", Kerajaan Perikatan Nasional.

**DATO' SRI MUSTAPA MOHAMED**
**23 Disember 2020**

**Kajian Separuh Penggal RMKe-12** dilaksanakan oleh kerajaan dengan keutamaan dalam prospek ekonomi membolehkan Malaysia muncul sebagai paksi ekonomi yang dinamik di rantau Asia, usaha ini akan tertumpu untuk meletakkan ekonomi negara di atas landasan pertumbuhan sebenar. Kerangka keberhasilan bersepadu RMKe-12 pula adalah untuk ke arah mencapai pertumbuhan ekonomi yang mampan seiring dengan pengagihan ekonomi yang adil, saksama dan inklusif serta memberi panduan kepada kementerian, kerajaan negeri dan badan berkanun Persekutuan mengenai kaedah permohonan projek dalam tempoh **2021 hingga 2025** di bawah RMKe-12. Dalam konteks ini, DOSM menyokong usaha ini dan senantiasa bersedia untuk membantu Kerajaan dalam menerbitkan laporan-laporan berkaitan bagi pemantauan pelaksanaan perancangan dan pembangunan Negara.

# Sustainable Development Goals




Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) merupakan teras agenda 2030 bagi pembangunan mampan yang dipersetujui oleh Ketua-ketua Negara pada 25 September 2015 di Persidangan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). SDG merupakan kesinambungan agenda pembangunan yang diteruskan selepas berakhirnya *Millennium Development Goals* (MDG) pada 2015. MDG mempunyai 8 matlamat dan 21 sasaran. Manakala SDG diperluaskan kepada 17 matlamat dan 169 sasaran untuk mencapai agenda 2030 iaitu mencapai keseimbangan dalam tiga dimensi pembangunan mampan iaitu merangkumi sosial, ekonomi dan alam sekitar. DOSM telah dilantik sebagai anggota *Inter-Agency and Expert Group on SDG indicators* (IAEG SDG) sejak Julai 2019 hingga Julai 2021 dan telah menyumbang kepada kajian semula '*2020 Comprehensive Review Proposal*' serta terlibat secara berkala dalam pembangunan metodologi dan isu-isu yang berkaitan indikator dan metadata.

# Revolusi Perindustrian Keempat




Revolusi Perindustrian yang kini telah memasuki peringkat keempat atau lebih dikenali sebagai IR 4.0, iaitu evolusi sistem pengkomputeran dan proses automasi berlaku dengan pesat. IR 4.0 juga merupakan era *Internet-of-things* (IOT) dengan peranti pintar saling berhubungan melalui internet. Kita tidak mempunyai pilihan selain menerima teknologi terkini ini dan secara beransur-ansur membuang cara lapuk atau tradisional dalam melaksanakan tugas. Ia boleh dilakukan melalui penggunaan teknologi yang mampu mempercepatkan proses penghasilan produk dan perkhidmatan statistik. Selain itu, penyelarasan sistem penguatkuasaaan dan dasar baru juga perlu dibuat melalui pemerkasaan undang-undang, termasuk pindaan Akta Perangkaan 1965 bersesuaian dengan cabaran dalam era IR 4.0.

